

Jilid II
Bil. 52



Hari Selasa
13hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7421]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 17 [Ruangan 7454]

Maksud B. 18 [Ruangan 7480]

Maksud B. 19 [Ruangan 7508]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985:

Jawatankuasa—

Maksud P. 17 [Ruangan 7454]

Maksud P. 18 [Ruangan 7480]

Maksud P. 19 [Ruangan 7508]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 13hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman tidak hadir).

UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan Universiti Islam Antarabangsa dapat menyelesaikan masalah bantuan kewangan dan kemajuan akademiknya selama penubuhannya. Negara-negara Islam manakah yang telah menghulurkan bantuan dan menghantar pelajar-pelajarnya bagi menuntut di Universiti tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Universiti Islam Antarabangsa yang telah diwartakan penubuhannya pada 26hb Mei, 1983 tidak menghadapi kesulitan dari segi

kewangan. Pembiayaan pengurusan universiti ini sebahagian besarnya adalah ditanggungkan oleh Kerajaan Malaysia. Di samping itu ia juga menerima bantuan kewangan daripada beberapa buah negara Islam.

Universiti Islam Antarabangsa pada masa ini adalah di dalam tahun akademiknya yang kedua. Universiti ini menawarkan dua jenis ijazah iaitu Ijazah Undang-undang dan Ijazah Ekonomi. Ia juga menyediakan Kelas Matrikulasi bagi menyediakan pelajar-pelajar untuk mengikuti salah satu daripada dua bidang di atas.

Di dalam menguruskan universiti ini beberapa buah negara Islam telah pun menghulurkan bantuan kewangan dan di antaranya ialah Arab Saudi, Kuwait dan Jordan. Kerajaan Libya pula telah bersetuju menawarkan biasiswa penuh kepada 11 orang penuntut yang belajar di universiti tersebut manakala Kerajaan Pakistan telah berjanji memberi buku-buku perpustakaan bernilai \$100,000 setahun selama 5 tahun. Bantuan buku-buku perpustakaan juga diterima dari Kerajaan Mesir, Kuwait dan Oman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajar-pelajarnya pula dari seramai 397 orang mahasiswa yang sedang belajar sekarang 316 orang daripadanya adalah pelajar-pelajar Malaysia dan 81 orang lagi adalah pelajar-pelajar dari Australia, Afghanistan, Bangladesh, Brunei, Fiji, Gambia, Indonesia, Jepun, Maldives, Mauritius, New Zealand, Nigeria, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka dan Thailand.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan Universiti Islam Antarabangsa ini tidak menghadapi masalah kewangan. Jadi, saya ingin tahu apakah pula bentuk bayaran yang dibuat oleh tiap-tiap pelajar yang mengikuti kursus di Universiti Islam Antarabangsa yang berkenaan ini?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bentuk bayaran ialah yuran hampir sama dengan sistem yang kita gunakan di negeri kita sendiri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dari segi masalah kewangan tak timbul tetapi bagaimana pula masalah tenaga pengajar yang menjalankan usaha di universiti tersebut. Adakah mereka ini terdiri 100% tenaga pengajar daripada negara kita dan berapa ramai tenaga pengajar yang diambil daripada luar negeri?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada masalah mengenai tenaga pengajar, namun demikian tidaklah dapat saya memberi butir-butir mengenai berapa peratus daripada luar negeri dan berapa peratus daripada dalam negeri dan sebagainya. Saya minta notis.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan bahawa mata pelajaran ataupun bidang pelajaran yang diperuntukkan buat masa ini ialah undang-undang dan ekonomi. Jadi, adakah rancangan pihak Kerajaan ataupun pihak pentadbir universiti supaya memperluaskan lagi bidang ini termasuklah kejuruteraan, kedoktoran dan sebagainya?

Yang kedua, saya ingin tahu setakat ini di Universiti Islam Antarabangsa apakah bahasa pengantar yang digunakan dan adakah kemungkinan sesuai dengan kedudukannya di Malaysia Bahasa Malaysia dijadikan sebagai bahasa pengantar?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memanglah dua jurusan yang diadakan. Namun demikian ini ialah taraf permulaan ataupun tingkat permulaan dalam pembangunan universiti ini dan memanglah menjadi rancangan pihak universiti untuk menentukan supaya dapat diperluaskan di masa akan datang akan bidang pelajaran hingga meluas kepada beberapa bidang termasuklah kejuruteraan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kerana Islam bukanlah agama yang hanya menitikberatkan soal satu sahaja, Islam merangkumi pembangunan seluruh aspek hidup. Jadi sudah tentulah dalam usaha kita untuk membangun universiti ini semua bidang harus kita rangkumi supaya dapat mahasiswa-mahasiswi di sana mempelajari akan berbagai bidang pelajaran.

Mengenai soalan yang kedua, kita belum lagi setakat ini untuk menggunakan Bahasa Malaysia dalam pengajiannya.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahawa kata Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan kewangan tidak ada menjadi masalah kerana bantuan daripada negara kita, Oman, Kuwait, Pakistan, Mesir dan lain-lain lagi. Pada masa ini Universiti Islam Antarabangsa ini dipakai di satu bangunan di Petaling Jaya. Jadi, bilakah masanya dan di manakah kawasannya bangunan Universiti Islam Antarabangsa itu akan dilaksanakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, iaitu dalam perancangan Kerajaan.

**KEMAS DI SARAWAK—
KUTUBKHANAH/KAKITANGAN**

3. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan kutubkhanah yang telah ditubuhkan oleh KEMAS di kawasan Luar Bandar di Sarawak, dan apakah peranan-peranan yang dimainkan oleh kakitangan KEMAS terutama sekali kakitangan-kakitangan KEMAS di luar bandar. Apakah kelayakan (educational qualification) seseorang pegawai KEMAS terutama sekali di peringkat Daerah di luar bandar, Sarawak.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutubkhanah yang ditubuhkan oleh KEMAS di kawasan luar bandar di Sarawak ialah 4 buah kesemuanya. Oleh sebab peruntukan untuk tahun 1985 yang dikhaskan untuk aktiviti kutubkhanah luar bandar hanya sebanyak \$645,400 bagi tahun 1985 maka kegiatan ini tidak dapat diperluaskan secara besar-besaran sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Apabila keadaan mengizinkan usaha-usaha ke arah ini akan dipertingkatkan lagi.

Peranan yang dimainkan oleh pegawai dan kakitangan KEMAS terutama sekali di luar bandar ialah menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat KEMAS iaitu:

- (1) Mengubah sikap masyarakat dan memupuk kesedaran di kalangan mereka untuk membina satu masyarakat yang maju dan berdikari;

- (2) Mewujudkan minat inisiatif dan perasaan tanggungjawab setiap anggota masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik;
- (3) Mengeratkan kerjasama antara rakyat dengan Kerajaan di samping mendapatkan sokongan mereka dalam usaha-usaha pembangunan negara; dan
- (4) Melibatkan rakyat untuk menyertai dan memainkan peranan secara aktif dan berkesan di dalam kegiatan pelaksanaan dasar-dasar negara agar tercapai tujuan-tujuan yang dimaksudkan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Sarawak ialah Ekonomi Rumahtangga, Taman Bimbingan Kanak-kanak, Rancangan Desa.

Melalui kumpulan-kumpulan dan aktiviti-aktiviti inilah disampaikan secara langsung dan tidak langsung segala unsur-unsur penerangan, bimbingan dan pendidikan kepada masyarakat khususnya di luar bandar.

Kelayakan atau educational qualification, dengan izin, bagi seseorang pegawai KEMAS terutama di peringkat Daerah dan luar bandar ialah:

Bagi Penyelia, calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja kemasyarakatan atau kedua, Pemaju-pemaju Masyarakat yang sedang berkhidmat tidak kurang daripada 6 tahun dan memiliki sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang setaraf dengannya atau ketiga, ahli-ahli pertubuhan siasah atau pertubuhan sukarela hendaklah tamat persekolahan Tingkatan III dan mempunyai pengalaman dalam

kerja-kerja kemasyarakatan serta berkecimpung dalam pertubuhan-pertubuhan berkenaan selama tidak kurang dari 5 tahun.

Untuk Pemaju-pemaju Masyarakat pula, calon-calon hendaklah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan kelayakan tersebut. Kedua, lulus Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengan kelayakan tersebut serta mempunyai 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa banyakkah bilangan kutubkhanah yang ditubuhkan oleh KEMAS di Semenanjung Malaysia selain daripada Sarawak dan bagaimanakah sambutan yang diberi oleh penduduk luar bandar berhubung dengan khutubkhanah di luar-luar bandar ini dan adakah Kementerian ini bercadang mendirikan bangunan-bangunan kutubkhanah di luar-luar bandar memandangkan pada hari ini membaca itu sangat berfaedah kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama, saya perlu notis. Yang kedua, sambutan yang kita dapat di luar-luar bandar pada masa ini adalah sangat-sangat menggalakkan dan kita dapati ramai penduduk-penduduk luar bandar dan di kampung-kampung datang untuk melawat meminjam buku-buku yang kita adakan di kutubkhanah-kutubkhanah di seluruh negara.

Yang ketiga, Kementerian tidak bercadang untuk membuat bangunan yang khas untuk kutubkhanah-kutubkhanah selain daripada

menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di kampung-kampung.

LPN—KAWALAN PEMOTONG PADI

4. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah pihak LPN mengeluarkan kenyataan untuk mengawal jentera-jentera pemotong padi baru-baru ini. Apakah alasan-alasan Kerajaan yang memandang mustahak pihak LPN untuk mengawal jentera-jentera berkenaan dan adakah Kementerian telah mendapat pandangan dari Kerajaan-kerajaan negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dikeluarkan oleh LPN mengenai cadangan pengawalan jentera pemotong padi atau jentuai adalah merupakan satu pandangan yang membayangkan akan perlunya diadakan satu peraturan di dalam penggunaan jentuai. Ini adalah kerana beberapa kesan sampingan dari penggunaan jentuai adalah merugikan.

Amalan sekarang menunjukkan pengusaha-pengusaha jentuai tidak menjaga kepentingan petani dengan memotong bukan sahaja padi yang masak malah padi yang muda juga turut dipotong. Ini semata-mata bagi memudahkan operasi mereka. Tetapi petani kerugian kerana padi muda terpaksa dipotong beratnya. Juga padi muda akan menghasilkan beras bermutu rendah dan ini pula merugikan pihak pengilang seperti LPN.

Cadangan pengawalan ke atas jentuai adalah juga kerana didapati ada pemilik jentuai tidak membersihkan padi yang dituai. Ini mengakibatkan padi itu bercampur

dengan kotoran-kotoran lain yang menyebabkan potongan lebih tinggi dibuat ke atas padi petani selain dari LPN perlu membersihkan padi yang dibeli dan ini menambahkan proses dalam operasi di kilang LPN.

Sekiranya perlu diadakan kawalan, perbincangan yang lebih terperinci akan dibuat dengan lain-lain jabatan termasuk Kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu negeri Kelantan selain daripada Kedah merupakan negeri yang kedua banyak mengeluarkan hasil padi dalam Malaysia.

Saya ingin tahu kenapakah jentuai ini tidak begitu diperkenalkan di Kelantan malah tidak ada pun di Kelantan. Adakah kerana tidak mempunyai nilai ekonomi sebagaimana yang dijelaskan itu ataupun ada sebab-sebab yang lain.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jentuai ini telah pun digunakan oleh petani-petani Kelantan, mungkin kalau dibanding atas kadar nisbah jumlah penggunaan di Kedah mungkin lebih tinggi daripada jumlah penggunaan di negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, saya dapat memberi penegasan kepada Yang Berhormat bahawa jentuai ini telah pun digunakan bukan sahaja musim ini tetapi sejak dua musim yang lepas di Negeri Kelantan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyebutkan bahawa pengawalan itu perlu. Saya hendak bertanya apakah badan-badan yang diperlukan bagi mengawasi jentuai-jentuai ini.

Soalan yang kedua, padi yang digunakan atau yang ditanam oleh petani jenis MR47 itu adalah satu keluaran daripada Kerajaan sendiri. Adakah pihak LPN sedar bahawa dalam satu ekar padi itu tidak 100% akan masak keseluruhannya. Jika ditunggu 100% masak, padi yang masak akan terus rosak. Apakah tindakan LPN untuk bekerjasama dengan Kementerian yang lain terutamanya Kementerian Pertanian bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan yang kedua, itulah di antara sebabnya kenapa jentuai ini perlu dikawal dan soal pengawalan ini, apabila pihak Kerajaan sama ada LPN atau jabatan-jabatan yang lain menetapkan perlunya dikawal maka jabatan-jabatan yang berkaitan, misalnya selain daripada Kerajaan-kerajaan negeri, selain daripada LPN, mungkin MARDI, mungkin juga KADA kalau di Kelantan, MADA kalau di Kedah dan Jabatan Pertanian sendiri perlu dirundingkan. Dan tentang siapa, pihak mana, bagaimana cara hendak dijalankan pengawalan ini, ini belum ditentukan lagi.

PEPERIKSAAN MURID LUAR BANDAR—PENCAPAIAN

5. **Tuan Justine anak Temenggong Jinggut** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa peratus murid-murid luar bandar yang lulus di dalam peperiksaan adalah rendah kalau dibanding dengan murid-murid di bandar juga adakah benar bahawa peratus murid yang cerdas pandai adalah rendah jika dibandingkan dengan murid-murid di bandar. Adakah ini oleh kerana:

- (a) sekolah luar bandar tidak mempunyai fasiliti yang cukup; dan

- (b) sekolah luar bandar mempunyai murid yang tidak mempunyai "Exposure" yang cukup.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pencapaian dalam peperiksaan adalah kurang tepat kalau dikatakan bahawa pencapaian murid-murid luar bandar itu rendah. Pencapaian mereka adalah tidak setinggi pencapaian murid-murid di bandar, terutama sekali dari segi mutu. Sistem penilaian yang terdapat sekarang tidak boleh dianggap sebagai pengukur kecerdasan ataupun "intelligence" seseorang murid tetapi lebih sebagai pengukur kecapaian ataupun "achievement", dengan izin, dalam sesuatu mata pelajaran yang tertentu. Dengan itu, tidaklah tepat dikatakan bahawa keputusan peperiksaan ini adalah penentuan cerdik pandai seseorang murid.

Ada pelbagai faktor yang mungkin menentukan keputusan peperiksaan seseorang murid itu, di antaranya ialah minat murid terhadap pelajaran, penglibatan ibu-bapa, mutu pengajaran guru dan lain-lain termasuk kemudahan dan pendedahan yang cukup.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Pelajaran. Tadi beliau ada menyebut bahawa mutu pelajaran murid-murid di luar bandar dan dalam bandar adalah sama. Saya ingin mendapat penjelasan mengapa terdapat suatu perbezaan bagi pemilihan masuk murid-murid ke sekolah asrama penuh dibuat di antara sekolah luar bandar dan sekolah dalam bandar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi mutu pencapaian tidaklah sama, yang saya katakan ialah pencapaian pelajar-pelajar di bandar adalah tinggi daripada pelajar-pelajar di luar bandar

ataupun pencapaian pelajar-pelajar daripada luar bandar adalah kalau dibandingkan dengan yang di bandar adalah lebih rendah sedikit. Mengenai kemasukan dalam sekolah-sekolah asrama penuh, memanglah kita memberi peluang kepada mereka yang di luar bandar sebab itulah ada juga cara-cara tertentu di mana kita khaskan untuk pelajar-pelajar luar bandar, sebab itulah ada perbezaan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa pencapaian pelajaran murid-murid luar bandar lebih rendah kalau dibandingkan dengan pencapaian murid-murid yang di bandar.

Jadi untuk meninggikan pencapaian murid-murid luar bandar ini, adakah ataupun rancangan Kerajaan untuk mendirikan asrama pusat di luar-luar bandar sepertimana yang disarankan baharu-baharu ini oleh Kerajaan.

Yang keduanya, adakah Kerajaan menyedari hakikat bahawa pemberian kemudahan-kemudahan pelajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah berdasarkan kepada faktor bilangan murid di sekolah-sekolah tersebut dan juga faktor keluasan kawasan sesebuah sekolah. Misalnya, memberi dan membekalkan Kerani, Peon, Jaga, mesin taip, mesin pendua, alat-alat sukan dan sebagainya adalah berdasarkan kepada bilangan murid di sesebuah sekolah. Kalau sekolah itu kecil bilangan muridnya, maka pembekalan bahan-bahan ini tidak ada, sedangkan perkara ini juga mempengaruhi tentang pencapaian pelajaran murid-murid di luar bandar.

Jika Kerajaan sedar tentang pembekalan kemudahan pelajaran dan pembelajaran ini, adakah Kerajaan pada masa-masa yang akan datang memberikan pertimbangan yang wajar terhadap sekolah-sekolah di luar bandar yang mengalami

kesulitan dari segi pentadbiran kerana kekurangan pembekalan bahan-bahan pelajaran ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan lagi mengenai “rendah” ini. Pencapaian pelajar-pelajar kita luar bandar tidak rendah tetapi rendah daripada yang di bandar, ini yang saya hendak tegaskan.

Mengenai bilakah Kerajaan hendak mewujudkan asrama pusat di tiap-tiap daerah, pelusuk, rantau tanahair ini, memang kita berhasrat untuk membuat semuanya tetapi ini terpulang kepada kemampuan kita, terutama sekali kemampuan dari segi kewangan dan sekiranya ini dapat, kewangan kita mampu kita berusaha ke arah ini. Namun setakat ini tidak boleh saya beri “commitment” sama ada Kerajaan hendak buat atau tidak.

Mengenai asas pemberian yang digunakan untuk memberi kemudahan kepada sekolah-sekolah, kita memang mengkaji banyak cara bagaimana kita hendak memberi sesuatu atau kemudahan kepada sekolah-sekolah ini, banyak asas ataupun cara-cara kita gunakan untuk menentukan supaya mereka di luar bandar juga menikmati kemudahan seperti ini yang kebetulan juga sekolah luar bandar inilah terdiri daripada sekolah yang berselerak, kecil-kecil, kadang-kadang ada 50 murid sahaja, ada juga yang 30 orang murid. Jadi kalau kita tengok sekolah ini memang dari segi kemudahan itu perlu kita beri. Namun demikian, ini juga dalam perhatian pihak Kerajaan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran yang mengakui tadi tentang perbezaan kelulusan murid-murid luar bandar dengan bandar. Dapatkah Timbalan Menteri perbezaan peratusnya. Berapa peratuskah yang lulus di luar bandar dan berapa peratus yang lulus di bandar.

Soalan yang kedua, adakah Timbalan Menteri itu sedar terdapat suatu perkara yang agak ganjil di mana keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V, sebuah sekolah telah membuat bantahan kepada Bahagian Peperiksaan oleh kerana terdapat murid yang mendapat 4A dalam bidang pelajaran yang lain tetapi tidak lulus dalam Bahasa Inggeris tetapi murid lain pula dia tidak lulus semua sekali pelajaran yang empat lagi tetapi lulus dalam Bahasa Inggeris. Adakah computer boleh memberikan keputusan yang tidak betul, atau bagaimana.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama saya ada bagi SRP dan SPM sahaja ini. Bagi SRP—kawasan luar bandar, Pangkat A—49.5%, Pangkat B—12%, Pangkat C—0.5%, dan jumlah peratus Pangkat A, B, C semuanya 62%.

Kawasan bandar, Pangkat A—59.7%, Pangkat B—7.3%, Pangkat C—0.7% dan jumlah 67.7%. Bahagian nasional “average”, dengan izin, ataupun purata Pangkat A—52.5%, Pangkat B—10.2%, Pangkat C—0.8% dan jumlah 63.5%.

Peperiksaan SPM—kawasan luar bandar—Pangkat 1—5%, Pangkat 2—17.4%, Pangkat 3—41.1%. Jumlah “average” ialah 63.5%.

Kawasan Bandar, Pangkat 1—12.2%, Pangkat 2—24.7%, Pangkat 3—31.7% dan jumlah ataupun puratanya 68.7%. Bahagian nasional iaitu peringkat kebangsaan Pangkat 1—9.3%, Pangkat 2—21.7% dan puratanya ialah 66.5%.

Dan mengenai soalan yang kedua, ini saya minta maaf belum sedar, dan insya Allah, akan kita selidiki.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berkaitan dengan asrama penuh yang dianjurkan oleh Kerajaan. Rata-rata kita dapati bahawa asrama penuh yang ditubuhkan oleh Kerajaan ialah memberi peluang kepada murid-murid di luar bandar. Walaupun di dalam kenyataannya tadi beliau telah menerangkan kalau dibandingkan keputusan daripada anak-anak di dalam bandar lebih baik sedikit daripada luar bandar dan banyak daripada asrama-asrama ini ditubuhkan di dalam bandar. Ke manakah akan kita halakan anak-anak di dalam bandar yang tidak mempunyai tempat di dalam asrama penuh yang ada di dalam bandar mereka sendiri.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah asrama penuh itu di kawasan bandar tetapi ada juga di luar bandar. Namun demikian, untuk penempatan mereka di bandar di mana kita hendak hantarkan mereka itu, sama ada di kawasan luar bandar ataupun di bandar, kalau ada tempat di bandar kita beri di bandar, kalau tidak ada tempat di bandar kita beri luar bandar. (*Ketawa*).

PEKEBUN KECIL GETAH—PENGHIJRAHAN

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan betapa luaskah trend pekebun-pekebun kecil getah yang melalakan kebun-kebun kecil getah mereka untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang lebih dan sama ada benar trend ini akan melemahkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah utama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji

Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, fenomena atau trend pekebun kecil getah berhijrah untuk mendapatkan pendapatan yang lebih di sektor yang lain pada hemat saya adalah tidak meluas dan untuk sementara waktu sahaja. Hal ini pun berlaku di kalangan sebilangan kecil semata-mata. Jadi soal kelemahan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah utama tidak timbul.

Sebagaimana yang diramalkan oleh beberapa kajian, ramalan ini menunjukkan bahawa permintaan dunia kepada getah asli adalah bertambah. Ini adalah berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Penilaian ke atas perakuan pakar mengenai perusahaan getah asli Malaysia bagi tahun 1983—2000. Laporan itu telah meramalkan permintaan getah asli dunia akan bertambah dari 3.7 juta tan pada tahun 1982 kepada 5 juta tan pada tahun 1990 dan akan bertambah lagi kepada 6 juta tan pada tahun 2000. Oleh itu, saya merasa yakin bahawa fenomena atau trend yang berlaku sekarang di kalangan sebilangan pekebun kecil akan dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Walaupun diakui bahawa ada terdapat kebun-kebun kecil yang ditinggalkan secara berterusan disebabkan oleh masalah-masalah mendapatkan tenaga buruh dan lain-lain masalah seperti masalah hakmilik tanah dan kedudukan tuan punya tanah tetapi adalah didapati bahawa tidak ke semua kebun-kebun kecil ini ditinggalkan secara berterusan. Dengan itu, arah aliran di kalangan pekebun kecil ini tidak sekali-kali melemahkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama getah asli.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada hakikatnya pengeluaran getah pekebun kecil di Semenanjung Malaysia telah bertambah dari 297,499 tan dalam tahun 1960 kepada 594,757 tan dalam

tahun 1970 dan meningkat kepada 961,503 tan dalam tahun 1983. Dengan penambahan pengeluaran ini telah mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar utama getah asli di dunia.

Penambahan pengeluaran ini adalah disebabkan oleh usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan daya pengeluaran di sektor pekebun-pekebun kecil melalui usaha-usaha tanaman semula dengan benih-benih yang berpenghasilan tinggi, pemindahan teknologi secara berkesan di samping usaha-usaha untuk memodenkan sektor ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, beliau mengatakan bahawa sama fenomena ataupun trend kebun-kebun kecil getah yang ditinggalkan itu tidak meluas. Jadi, saya ingin tahu sama ada beliau sedar atau tidak sekarang ini pekebun-pekebun kecil menghadapi masalah kekurangan penoreh-penoreh getah? Jika beliau sedar, apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini dan saya ingin tahu juga apakah terjadi berhubung dengan teknologi baru yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama, cara menoreh getah yang baru iaitu cara torehan secara cucuk, separa injector ataupun micro-acts?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian sedar bahawa di beberapa sektor perladangan getah dan pekebun-pekebun kecil itu menghadapi kekurangan tenaga penoreh getah ataupun buruh-buruh yang melaksanakan penorehan getah itu. Dalam hubungan ini pihak Kementerian melalui RISDA dan juga FELCRA telah pun melaksanakan beberapa program menuju ke arah menyelesaikan tentang kekurangan tenaga-tenaga pekerja dalam sektor perladangan getah itu.

Yang kedua, ialah tentang teknologi baru yang diperkenalkan oleh Kementerian ke arah menghasilkan pengeluaran getah. Beberapa cara sedang dilaksanakan. Antara lain ialah sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri baru sekajap tadi dan di samping itu ialah melalui penyatuan pentadbiran oleh agensi-agensi Kementerian, RISDA dan FELCRA.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa ramalan pertambahan eksport getah dijangka sehingga tahun 1990. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa dalam tahun 1984 ini eksport getah negara kita telah merosot dengan begitu banyak, kalau mengikut buku catitan hasil yang dikeluarkan baru-baru ini? Apakah sebab-sebab kemerosotan eksport getah itu?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod pengeluaran getah yang ada di tangan kita pada hari ini ternyata dari segi pengeluaran getah kalau hendak dibandingkan di antara tahun 1952 sehingga ke hari ini bahawa hasil pengeluaran getah adalah meningkat.

Contohnya dalam tahun 1982 rekod pengeluaran getah—estet sebanyak 341,000 tan dan pekebun kecil 242,000 tan—kurang lebih antara pengeluaran estet dengan pekebun getah itu ialah 600,000 tan tetapi pengeluaran 1983 sudah meningkat kepada lebih daripada satu juta tan di mana pengeluaran estet 560,000 tan dan pengeluaran pekebun kecil 962,000 tan. Jadi kalau dicampurkan di antara pengeluaran estet dengan pekebun kecil itu melebihi 1.4 juta tan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menekankan bahawa Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan daya

pengeluaran getah tetapi adakah beliau sedar bahawa peratus kemiskinan di antara golongan pekebun kecil getah adalah 60% dan jika dibandingkan dengan purata nasional sebanyak 31% sahaja ataupun dibandingkan dengan golongan-golongan lain seperti nelayan, petani sawah padi, kemiskinan di antara pekebun kecil getah adalah yang paling tinggi di dalam negara kita? Kalau sedar, apakah usaha akan dibuat dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula strategi yang ada sekarang supaya dapat menghapuskan kemiskinan di antara golongan-golongan yang tersebut?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua saya tidak pasti sama ada peratusan kemiskinan pekebun-pekebun kecil getah itu lebih miskin kalau dibandingkan dengan sektor nelayan. Tetapi walau bagaimanapun saya setuju bahawa pekebun kecil getah itu adalah di antara sektor-sektor yang miskin di negara kita dan Kerajaan sedar tentang kemiskinan itu dan oleh kerana hal yang demikian, berbagai-bagai usaha sedang dilaksanakan bagi tujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil itu.

**LAWATAN KE CHINA—
JUMLAH**

7. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) jumlah orang perseorangan yang telah membuat lawatan ke Negeri China sejak 1980 memberi pecahan mengikut bangsa dan maksud lawatan dan menyatakan juga sama ada mereka ini telah disoal siasat dan diawasi oleh pihak polis sekembalinya dari lawatan itu; dan

(b) sama ada Kerajaan akan mengadakan dasar terbuka bagi orang-orang perseorangan melawat negeri China pada masa akan datang, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri

(Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang perseorangan yang telah melawat negeri China sejak tahun 1980 sehingga Julai, 1984 adalah seramai 20,343 orang dan mengikut pecahan kaum dan tujuan lawatan mereka adalah seperti berikut:

	<i>Cina</i>	<i>Bumi-putera</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Rawatan Perubatan	537	57	9	4	607
Melawat Keluarga	13,455	—	2	—	13,457
Perdagangan	1,784	74	8	1	1,872
Sosial atau melancong	3,771	3	1	—	3,775
Lain-lain tujuan lawatan	404	182	35	11	632

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis sentiasa mengawasi ke atas rakyat Malaysia yang kembali dari melawat Negara China atas sebab-sebab

keselamatan. Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan dasar terbuka bagi orang-orang perseorangan melawat Negara China

di masa akan datang memandangkan bahawa pihak berkuasa Negara China masih lagi belum memutuskan hubungan mereka dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Selagi pihak berkuasa Negara China tidak memutuskan hubungannya dengan PKM, maka selagi itulah hubungan negara ini dengan Negara China terhad kepada hubungan di antara Kerajaan dengan Kerajaan, dan bukannya rakyat dengan rakyat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan kepada dua soalan tambahan. Yang Pertama, berkenaan dengan si pemohon yang hendak melawat Negara China bagi tujuan untuk mendapat rawatan perubatan, adakah beliau sedar bahawa proses ini mengambil masa yang lama dan kadangkala si pemohon tunggu sehingga meninggal dunia sebelum boleh mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Dan sekiranya beliau sedar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat sesuatu untuk mengelakkan kelewatan daripada berlaku?

Yang kedua, tidakkah benar bahawa keadaan dan suasana dunia pada hari ini telah tiba bagi Kerajaan kita untuk mengkaji semula dasarnya terhadap rakyat Malaysia melawat Negara China dan membenarkan rakyat membuat lawatan secara bebas supaya mereka boleh membuat satu perbandingan tentang keadaan hidup di antara Negara China dengan Malaysia dan ini mungkin akan menukarkan sikap mereka terhadap Negara China ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua itu telah pun dijawab tadi. Sila jawab soalan yang pertama.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang kita semua sedia

maklum, tiap-tiap lawatan ke luar negeri mestilah dikaji dengan teliti terutama sekali mereka yang akan melawat ke Republik Rakyat China. Jadi, dalam mendapatkan kebenaran ini walaupun untuk rawatan perubatan terpaksa mengambil masa yang panjang sedikit dari segi keselamatan dan seterusnya. Saya berasa amat dukacita kalau terdapat orang yang telah meninggal sebelum diberi kebenaran rawatan untuk membuat rawatan perubatan ke Republik Rakyat China. Tetapi ini terpaksa kita menghadapinya. Saya akan berusaha memberi arahan supaya segala permohonan untuk membuat rawatan perubatan jika lain-lain syaratnya telah pun dipatuhi akan dilayan dengan secepat mungkin.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan polisi Kerajaan tentang lawatan ke Hong Kong selepas pulau itu dikembalikan kepada Republik Rakyat China pada tahun 1997 dan juga kedudukan, dengan izin, "Malaysian investment", orang Malaysia di Hong Kong juga rakyat Malaysia yang bermastautin di sana selepas 1997.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa itu lebih panjang lagi. Tunggulah bila tiba masanya bolehlah saya menjawab soalan itu (Ketawa).

Tuan Yew Foo Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi beliau ada memberi sebab-sebab yang rakyat Malaysia melawat ke Negara China ialah sebab perubatan, keluarga, perdagangan dan sebagainya. Saya ingin tahu bagi mereka yang telah melawat ke Negara China dan kembali, mereka disoal-siasat oleh pihak Polis. Saya hendak bertanya, apa tujuan untuk menjalankan soal-siasat ini. Adakah Kerajaan ada kebimbangan atau

ketakutan selepas mereka melawat Negara China ada mendapat pengaruh yang burukkah, bolehkah pihak Kementerian beri penjelasan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita semua sedia maklum bahawa negara kita masih lagi diancam oleh anasir-anasir Parti Komunis Malaya dan mereka yang melawat ke Negara China, sebuah negeri Komunis, adalah diawasi dengan begitu teliti oleh badan-badan perisik mereka, sebab perbezaan di antara negara kita dengan Negeri Republik Rakyat China dari segi politik, kebudayaan, ekonomi dan seterusnya. Jadi, jika seseorang itu didapati sesuai maka tindakan untuk mengeksploitasikannya akan diambil dengan menggunakan beberapa cara termasuklah "black mailing", dengan izin, dengan tujuan untuk menjadikan seseorang itu sebagai agen-agen perisik ataupun sebagai "agent of influence", dengan sebenarnya apabila mereka pulang ke tanahair. Ini yang membimbangkan kita dan sebab itulah kita menjalankan penyiasatan kepada mereka yang telah melawat ke Negara China, bukan atas apa-apa sebab yang lain, semata-mata atas sebab keselamatan negara.

**MINYAK KELAPA
SAWIT—PENGELUARAN**

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kemajuan perusahaan kelapa sawit Malaysia 1983, di bidang pengeluaran, harga dan Perdagangan Luar (dengan mengkhususkan kepada minyak kelapa sawit dan isi kelapa sawit).

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, negara mencatatkan pengeluaran minyak kelapa sawit dan

isi kelapa sawit masing-masing sebanyak 3.02 juta dan 834,570 tan metrik pada tahun 1983. Pencapaian ini adalah 14% dan 8% lebih rendah dari paras 3.5 juta dan 909,572 tan metrik yang dicatatkan bagi bahan-bahan tersebut dalam tahun 1982. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan ini ialah tekanan ke atas pokok-pokok kelapa sawit dari kesan pendebungaan kumbang weevil, kesan kemarau yang berlaku pada awal tahun 1983, kekurangan pembajaan semasa penurunan harga yang dialami dari bulan Julai 1982 hingga bulan Jun 1983, dan kesan banjir yang melanda pada hujung tahun 1983. Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan bahawa pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dan isi kelapa sawit negara dijangka pulih pada tahun ini ke paras 3.5 juta dan 960,000 tan metrik. Ini merupakan pertambahan sebanyak 16% dan 15% dari paras-paras yang dicapai pada tahun 1983.

Dari segi harga pula, pencapaian pada tahun 1983 adalah lebih baik daripada pencapaian dalam tahun sebelumnya. Harga purata pada tahun 1983 bagi minyak kelapa sawit mentah dan isi kelapa sawit di pasaran tempatan masing-masingnya mencatatkan kenaikan dari \$829 setan metrik pada tahun 1982 kepada \$991 setan metrik bagi minyak kelapa sawit mentah dan dari \$427 setan metrik pada tahun 1982 kepada \$678 setan metrik bagi isi kelapa sawit. Harga-harta bagi minyak dan bahan-bahan kelapa sawit Malaysia di pasaran antarabangsa juga turut meningkat. Harga purata bagi minyak kelapa sawit mentah dan minyak isi kelapa sawit dalam tahun 1983 masing-masingnya mengalami kenaikan dari US\$447 setan metrik pada tahun 1982 kepada US\$487 setan metrik bagi minyak kelapa sawit mentah dan dari US\$458 setan metrik pada tahun 1982 kepada US\$709 setan metrik bagi

minyak isi kelapa sawit. Harga-harga bagi minyak kelapa sawit yang diproses juga turut meningkat dalam tempoh yang sama.

Pencapaian setakat 9 bulan pertama tahun 1984 menunjukkan harga-harga purata kelapa sawit mentah dan isi kelapa sawit di pasaran tempatan telah masing-masingnya mencapai paras yang lebih baik iaitu \$1,485 setan metrik bagi minyak kelapa sawit mentah dan \$968 setan metrik bagi isi kelapa sawit. Begitu juga halnya dengan harga-harga bagi minyak dan bahan-bahan kelapa sawit Malaysia di pasaran antarabangsa.

Sungguhpun pengeluaran minyak dan isi kelapa sawit negara mengalami kemerosotan dalam tahun 1983, peningkatan permintaan serta kenaikan harga bahan-bahan tersebut telah menyumbang kepada perkembangan yang sihat di dalam perdagangan luar bahan-bahan tersebut dalam tahun yang sama baik dari segi jumlah mahupun nilai eksport. Sejumlah 3.16 juta tan metrik minyak kelapa sawit bernilai \$3.35 ribu juta dan 361,859 tan metrik minyak isi kelapa sawit bernilai \$470 juta telah dieksportkan oleh negara dalam tahun 1983, berbanding dengan 2.88 juta tan metrik minyak kelapa sawit bernilai \$2.87 ribu juta dan 334,164 tan metrik isi kelapa sawit bernilai \$334 juta yang dieksportkan dalam tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa bagi tempoh 7 bulan pertama tahun ini sejumlah 1.4 juta tan metrik minyak kelapa sawit bernilai \$2.4 ribu juta dan 186,458 tan metrik minyak isi kelapa sawit bernilai \$414 juta telah dieksport oleh negara. Sekiranya keadaan paras harga yang baik ini dapat dikekalkan hingga ke akhir tahun, jumlah eksport minyak kelapa sawit negara dalam tahun 1984 berkemampuan melebihi paras 3 juta tan metrik dengan nilai eksportnya dianggarkan mencapai paras \$5.2 ribu

juta. Bagi minyak isi kelapa sawit pula, eksport negara dalam tempoh yang sama mungkin mencapai 360,000 tan metrik dan nilai eksportnya pula dijangka melambung ke paras \$800 juta.

Pertambahan di dalam perdagangan luar dan kenaikan paras harga bagi bahan-bahan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk peningkatan permintaan dari negara-negara pengimport terutama sekali dari India, Pakistan dan USSR serta pengurangan di dalam pengeluaran beberapa jenis minyak dan lemak seperti minyak kacang soya di Amerika Syarikat, minyak kacang tanah di Latin Amerika dan minyak kelapa di Filipina, India dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi industri minyak kelapa sawit pada tahun 1983 adalah baik dan dijangka akan bertambah baik pada tahun 1984. Sebenarnya eksport minyak kelapa sawit merupakan penyumbang kedua terbesar kepada jumlah pendapatan eksport negara selepas petroleum dan keluarannya bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1984.

JALANRAYA UTARA/SELATAN

9. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah taraf kemajuan pembinaan Jalanraya Utara-Selatan, khasnya bahagian yang melalui Negeri Pulau Pinang setakat ini. Adakah Kementerian bercadang mengadakan kutipan jalan sepanjang jalan raya tersebut. Apakah dasar Kerajaan pada keseluruhannya mengenai kutipan tol di jalanraya.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang Di-Pertua, taraf kemajuan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, setakat ini adalah di dalam berbagai peringkat. Ada di antara lebuhraya-lebuhraya tersebut yang telah siap dibina dan ada juga

bahagian yang sedang dalam peringkat pembinaan, peringkat rekabentuk dan juga peringkat pengambilan balik tanah. Terdapat juga bahagian lebuhraya yang sedia untuk dibina sebaik sahaja peruntukan kewangan diperolehinya.

Di antara lebuhraya-lebuhraya yang telah siap dibina ialah Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Lebuhraya Bukit Kayu Hitam ke Jitra. Lebuhraya yang di dalam peringkat pembinaan pula adalah Lebuhraya dari Jitra ke Gurun, Lebuhraya Changkat Jering ke Ipoh dan bahagian lebuhraya dari Seremban ke Pagoh. Bahagian lebuhraya yang menunggu pembinaan adalah bahagian dari Pagoh ke Air Hitam, Johor dan package dari Gurun ke Sungai Petani. Bagi Lebuhraya Kuala Lumpur ke Ipoh dan Air Hitam ke Johor Bahru kedua-dua ini masih di dalam peringkat rekabentuk lagi. Bahagian yang masih di dalam peringkat pengambil balik tanah pula ialah bahagian dari Butterworth ke Changkat Jering dan sebahagian kecil bahagian dari Jitra ke Butterworth iaitu package dari Sungai Petani ke Butterworth.

Mengenai lebuhraya yang melalui negeri Pulau Pinang, saya suka saya memaklumkan bahawa terdapat dua package iaitu lebuhraya yang melalui negeri itu iaitu package 2-B Lebuhraya Jitra/Butterworth iaitu dari Sungai Petani ke Butterworth dan package I Lebuhraya Butterworth/Changkat Jering iaitu dari Butterworth ke Bandar Bahru. Kedua-dua package lebuhraya ini sedang di dalam proses pengambil balik tanah.

Mengenai soalan sama ada lebuhraya ini nanti akan dikenakan tol ataupun tidak, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kutipan tol akan dikenakan di atas lebuhraya ini seperti

mana juga lebuhraya-lebuhraya yang lain yang menjadi sebahagian dari sistem Lebuhraya Utara/Selatan.

Mengenai dasar kutipan tol yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 18hb Oktober, 1984 yang lalu.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa panjangkah Lebuhraya Utara-Selatan ini dan berapakah anggaran perbelanjaan untuk menyiapkannya.

Soalan yang kedua, dari segi kerja-kerja pemborongan, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan berapa peratuskah telah diberi kerja-kerja untuk pembinaan Lebuhraya ini kepada pemborong-pemborong asing dan berapa peratuskah telah diberi kepada pemborong-pemborong tempatan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Di-Pertua, jumlah panjang Lebuhraya Utara-Selatan ialah 938 kilometer. Harganya setakat ini saya harap ialah lebih kurang \$5.5 billion atau \$5,500,000 juta. Semua kerja-kerja yang sedang diberi kepada kontraktor-kontraktor kita telah menentukan mesti ada 30% daripada kerja itu akan diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Tuan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir)

BUKU TEKS— KENAIKAN HARGA

11. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menjelaskan:

- (a) benarkah pihak pengeluar-pengeluar buku teks sekolah-sekolah rendah mendesak untuk

menaikkan harga buku-buku teks pada tahun hadapan. Jika benar, bagaimanakah pandangan Kerajaan dalam perkara yang tersebut; dan

- (b) bilakah kali terakhir harga buku-buku teks bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah dinaikkan dan berapa peratuskah kadar kenaikannya. Bagaimanakah dasar Kerajaan dalam menentukan kenaikan harga buku-buku teks itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Di-Pertua, jawapan untuk (a) ialah tidak benar.

Jawapan untuk (b) kali terakhir harga buku teks bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah dinaikkan ialah pada bulan Oktober tahun 1981. Dalam menentukan kenaikan harga buku teks ini, Kementerian telah menimbangkan beberapa perkara. Buku teks seperti juga bahan-bahan penggunaan yang lain mengalami tekanan kos pengeluaran disebabkan oleh keadaan inflasi dan kenaikan kos bahan-bahan utama seperti kertas iaitu 11% kenaikannya, dakwat 12%, filem 4%, slab 20%, gaji buruh 13% dan tenaga elektrik 20%.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah berkenaan dengan dasar Kerajaan terhadap buku teks ini, adakah ianya akan ditentukan sekian-sekian masa atau sekian-sekian tahun harus diganti dengan buku teks yang baru?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Di-Pertua, ini bergantung kepada kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian. Kalau difikirkan bahawa kajian perlu dibuat dan perubahan perlu dibuat terhadap ini, maka pihak Kementerian akan

mengambil tindakan untuk mengubah dan menyesuaikan keadaan seperti menukar buku teks dan sebagainya.

POLARISASI KAUM DI SEKOLAH DAN UNIVERSITI

12. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah sedang diambil untuk memberhentikan polarisasi kaum khususnya di sekolah-sekolah dan di universiti.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober yang lalu. Dengan yang demikian saya tidak berhajat untuk membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

KEMAS—KEJAYAAN DI SABAH

13. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah pandangan Kementerian ini berkenaan kejayaan KEMAS di Sabah sejak ia ditubuhkan di Sabah. Apakah Kementerian berhajat untuk menambah pemaju-pemaju masyarakat khususnya di daerah Semporna di mana hanya 30 orang sahaja Pemaju Masyarakat ditugaskan.

Dato' Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, KEMAS telah ditubuhkan di negeri Sabah pada tahun 1965 yang mana pada masa itu dikenali dengan nama

Bahagian Pelajaran Dewan. Tumpuan utama ialah membasmi buta huruf. Sejak ditubuhkan pada tahun 1965 sehingga sekarang sambutan masyarakat adalah amat menggalakkan. Dalam tempoh tersebut KEMAS telah memberi khidmat kepada lebih kurang 200,000 ahli masyarakat di Sabah melalui aktiviti-aktivitinya.

Pencapaian KEMAS yang telah berjaya melibatkan masyarakat dengan bilangan yang agak besar menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap aktiviti KEMAS. Bagaimanapun, kejayaan KEMAS bukan hanya setakat bilangan aktiviti yang wujud dan juga penglibatan masyarakat, malah ianya dapat diukur melalui perubahan-perubahan yang dialami oleh masyarakat itu sendiri, sama ada dari segi cara hidup, kesihatan, pendidikan serta sikap masyarakat. Di samping itu, KEMAS telah berjaya mengurangkan kadar buta huruf di Sabah sebanyak 14% dalam tempoh 10 tahun 1970.

Kementerian saya sedang berusaha dari masa ke semasa untuk memperbaiki dan memperkemaskan segala aktiviti-aktiviti KEMAS untuk meningkatkan lagi pencapaiannya.

Mengenai penambahan bilangan Pemaju Masyarakat, khususnya di Semporna, Kementerian saya sentiasa berusaha menambah bilangan kumpulan atau aktiviti KEMAS di seluruh negara berasaskan kepada keperluan dan penyertaan dan juga kemampuan kewangan. Oleh itu penambahan bilangan Pemaju Masyarakat ditubuhkan bukan bergantung kepada kedudukan sesuatu kawasan tetapi adalah mengikut asas-asas seperti yang disebutkan di atas. Masalah

penambahan bilangan Pemaju Masyarakat di Semporna akan dilakukan apabila keadaan ekonomi negara mengizinkan.

Tuan Yang Di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 10 dan 14 adalah diberi di bawah ini)

PINJAMAN KENDERAAN/ PERUMAHAN KERAJAAN

1. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan samada pinjaman kenderaan dan perumahan Kerajaan akan dijalankan mengikut konsep yang berlandaskan hukum-hukum Islam. Apakah program/projek berlandaskan Islam yang sedang dikaji dan akan dilaksanakan dalam jangka pendek.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor): Kerajaan melalui Badan Perunding Islam telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji perkara itu dan kajian ke atasnya sedang dibuat. Hasil kajian kelak akan dikemukakan oleh Jawatankuasa itu kepada Badan Perunding Islam untuk diperakukan kepada Kerajaan untuk membuat keputusan.

PEGAWAI PELAJARAN DI SABAH—TARAF

10. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan taraf jawatan pegawai-pegawai Pelajaran di

Sabah supaya setaraf dengan rakan-rakan sejawat mereka di Semenanjung Malaysia.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taraf jawatan di antara pegawai-pegawai Pelajaran di Semenanjung dan di Sabah memang tidak dibezakan oleh Kerajaan. Taraf jawatan Pegawai Pelajaran adalah bergantung kepada kelayakan-kelayakan yang dimiliki oleh mereka seperti yang ditetapkan oleh Laporan Suruhanjaya Gaji Aziz.

UNSUR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

14. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa garis-garis panduan di dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan di sekolah-sekolah yang baru dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Malaysia, baru-baru ini hanya mengandungi unsur-unsur Melayu, Arab dan Islam dan apakah ini bermakna yang unsur-unsur kebudayaan Cina, India dan Kristian harus dikecualikan dalam setiap kegiatan-kegiatan kebudayaan di semua sekolah-sekolah di negara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Garis panduan mengenai aktiviti-aktiviti kebudayaan di sekolah-sekolah adalah menggalakkan unsur-unsur kebudayaan yang telah diterima sebagai unsur-unsur kebudayaan kebangsaan. Kebudayaan kebangsaan adalah sebagai lambang kebangsaan yang membangkitkan rasa kepunyaan dan kebanggaan terhadap negara. Kebudayaan kebangsaan bukan semata-mata mengandungi unsur-unsur dan aktiviti-aktiviti kesenian sahaja bahkan meliputi nilai-nilai kehidupan yang baik dan bersifat "universal" seperti sifat amanah, rajin bekerja, bertanggungjawab, taat setia dan sebagainya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN USUL

ANGGARAN, PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis". (hari Keempat)

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)*

Perbahasan disambung semula.

Maksud B. 17 (Jadual)—

*Maksud P. 17 (Anggaran Pempa-
ngunan, 1985)—*

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat dari Setapak untuk menyambung.

3.37 ptg.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak): Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung semula ucapan saya semalam. Ada lagi sedikit sahaja hendak saya sentuh mengenai Baitulmal.

Baitulmal dalam usaha mendapatkan tanah Kerajaan atau tapak perusahaan dari Dewan Bandaraya telah beberapa kali gagal ataupun tidak berjaya, malahan untuk membeli kilang atau menyewa kilang kepunyaan Dewan Bandaraya adalah

amat sukar sekali. Baitulmal terpaksa belanja berjuta-juta ringgit semata-mata untuk membeli tanah persendirian atau tanah kepunyaan badan-badan yang lain bagi menjalankan projek-projeknya.

Pada masa sekarang Baitulmal mempunyai 2 buah kilang iaitu Kilang Bateri. Kedua-dua buah tempat ini adalah disewa daripada orang perseorangan. Sekiranya pihak Dewan Bandaraya dapat menyewakan 2 buah kilang ini tentulah pihak Baitulmal akan dapat menjimatkan perbelanjaannya. Keistimewaan, pada pandangan saya patutlah diberi kepada Baitulmal apabila ianya memohon bangunan-bangunan kilang untuk disewanya.

Tuan Pengerusi, saya dengan penuh ikhlas memohon supaya Kementerian dapat memberi perhatian yang lebih kepada Baitulmal dan mengorak langkah untuk menjadikannya sebagai sebuah badan berkanun yang berautonomi. Ini memandangkan bahawa Kementerian secara langsung juga menjadi badan penyelarasan dan badan pelaksana kepada projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Agama Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada Maksud B. 17 Butiran 3 iaitu Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan. Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah soal tanah di Kampung Baru, khasnya hakmilik tanah. Masalah yang ada pada hari ini ialah pemilik-pemilik asal yang tidak dapat dikesan dokumen hakmilik mereka lagi. Mereka ini telah lama meninggal dunia tanpa menyerahkan kuasa kepada waris-waris mereka. Yang menjadi rumit ialah waris-waris mereka yang menduduki tanah pesaka ini, mereka seolah-olah menduduki tanah ini secara haram. Ini disebabkan tidak ada dokumen dalam simpanan mereka. Dokumen-dokumen ini tidak dapat dikesan sama ada di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan ataupun

di Pejabat, dengan izin Tuan Pengerusi, Pejabat yang kita panggil MAS atau Malay Agricultural Settlement, yang mentadbir kawasan Kampung Baru.

Saya berkata demikian memandangkan adanya waris-waris ini yang berusaha untuk mendirikan bangunan berbagai tingkat dan telah pergi ke bank untuk memohon pinjaman membina bangunan ini. Bank-bank hanya bersetuju memberikan pinjaman sekiranya ada hakmilik yang sah. Dengan tidak ada hakmilik yang sah, tanah yang didiami oleh waris-waris tidak akan dapat pembangunan dan mereka adalah berkekalan mendiami tanah tanpa milik yang sah. Masalah ini akan berlarutan sekiranya Kementerian Wilayah Persekutuan gatal bertindak oleh kerana pembangunan yang pesat di persekitarannya. Saya harap Kementerian dapat berbuat sesuatu supaya waris-waris sipemilik ini dapat membangunkan tanah pesaka mereka dengan memberi dokumen yang menyatakan hakmilik.

Perkara yang kedua yang ingin saya memperkatakan ialah cara bangunan yang didirikan di Kampung Baru. Apa yang kita lihat di Kampung Baru ini bangunan-bangunan bertingkat yang didirikan merugikan dalam segi, dengan izin, land used and utilisation aspect. Ruang-ruang tanah yang bernilai di antara satu bangunan dengan bangunan yang lain di sebelahnya tidak dapat digunakan dengan maksimanya. Ini merugikan kerana ruang-ruang ini boleh didirikan sebuah lagi bangunan bertingkat. Sebab keadaan ini berlaku ialah lot-lot yang sebelah menyebelah ini tidak dicantumkan dan jika dicantumkan nescaya kedua-dua buah bangunan ini dapat didirikan dengan lebih maksima lagi. Cantuman-cantuman lot yang pertama sekali lagi mesti dibuat di Kampung Baru bagi menentukan supaya bangunan-bangunan yang

didirikan akan lebih berekonomik lagi. Saya harap Kementerian dapatlah mencari jalan ke arah mencantumkan ini dengan memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan sebagai satu strategi untuk membangunkan tanah-tanah rizab orang Melayu di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, seperti kita sedia maklum, bangunan pelbagai tingkat yang telah didirikan di kawasan rizab orang Melayu hampir keseluruhannya disewakan kepada orang awam sebagai ruang pejabat terutamanya di kawasan Kampung Baru. Ruangan-ruangan pejabat yang ada di bangunan-bangunan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat express (express conditions) iaitu syarat ini menentukan supaya hanya bumiputera sahaja yang boleh menyewa ruang-ruang pejabat ini. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan di sini iaitu pihak Kementerian akan cuba sedaya upaya menarik balik syarat express yang ada di dalam Q.T-Q.T tanah yang ada dalam kawasan Kampung Baru itu khasnya.

Tuan Pengerusi, seperkara yang sangat serius saya pandang di Wilayah Persekutuan ini ialah perkara yang berkaitan dengan tanah perkuburan. Perkara yang serius di Kuala Lumpur ini ialah kekurangan tanah bagi mengkebumikan mayat-mayat berbagai bangsa yang ingin dikebumikan di Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan menghadapi kekurangan kawasan perkuburan dan kawasan yang ada adalah terlalu sesak. Menjelang tahun 1990, bilangan penduduk akan hampir 2 juta atau lebih sedikit, tetapi kekurangan tanah perkuburan telah kita dapati begitu pesat sekali. Perangkaan menunjukkan tambahan sebanyak 59 hektar diperlukan dalam masa 10 tahun dari sekarang. Walaupun 253

hektar wujud bagi pengkebumian penduduk dari semua kaum dan agama, menjelang tahun hadapan mungkin keadaan akan menjadi serius dan mungkin tidak ada tempat di beberapa tanah perkuburan yang ada dan penduduk Bandaraya terpaksa mengkebumikan waris-waris mereka di tanah-tanah perkuburan yang agak jauh. Yang teruk mengalami ialah kaum Muslimin.

Mengikut statistik hanya mempunyai 39 hektar tanah perkuburan dan ini hanya untuk setahun sahaja. Tanah perkuburan Islam ialah di Ampang di dalam kawasan Setapak, Bukit Petaling dan Cheras. Masalah tanah perkuburan ini telah menjadi begitu teruk dengan wujudnya setinggi-setinggi yang didirikan rumah kediaman mereka di sempadan tanah perkuburan ini. Bagi agama Kristian, Cina dan India, sebagai alternatif, ialah untuk mereka membakar mayat-mayat ini. Bagi kaum Muslimin apa yang dapat dibuat ialah mengorek di kubur yang tidak terjaga. Dewan Bandaraya seharusnya patut mengambil tindakan daripada sekarang supaya apabila sampai masanya masalah ini tidak akan timbul. Dari kesimpulan masalah yang saya sebutkan tadi, bahawa nyatalah bukan sahaja si hidup memerlukan tempat dalam pembangunan Wilayah Persekutuan tetapi juga yang si mati memerlukan tempat yang sama. Saya tidak ingin melihat masalah tanah perkuburan orang Islam di Wilayah Persekutuan menjadi topik yang hangat di masa hadapan seperti mana berlaku di Singapura di mana-mana orang-orang Islam di sana menghadapi masalah ini. Kerajaan saya harap akan dapat membuat sesuatu bagi mengatasi masalah yang kita akan hadapi bersama.

Tuan Pengerusi, saya hendak pula menyentuh Maksud Pembangunan 17

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Janganlah menyentuh banyak-banyak sangat kepalanya. Sudah cukup masa itu. Minta gulungan.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Terima Kasih, Tuan Pengerusi. Untuk menggulung, akhir sekali saya ingin pihak Kementerian berusaha bagi bekerjasama dengan pihak Baitulmal khususnya, soal-soal yang berkaitan dengan pembangunan di kawasan setinggan yang mana saya harap kawasan setinggan ini dibangunkan oleh SPPK (Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan) dan tidak diserahkan kepada orang-orang perseorangan yang ada kait mengait dengan politik di Wilayah Persekutuan ini. Ini adalah dengan tujuan supaya tiada penyelewengan akan berlaku di dalam tender-tender yang akan diberi kepada SPPK ini dan SPPK telah membuktikan keupayaan mereka dengan mendirikan beribu-ribu unit rumah di dalam kawasan Setapak iaitu di Bumi Hijau. Dengan ini saya berharap pihak Kementerian akan bertindak terus bagi kepentingan bersama umat yang ada di dalam Wilayah Persekutuan yang jumlahnya tidak kurang daripada 1.076 juta. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi. Lepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.49 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 17, muka surat 69, Butiran 1, Program 4—Pentadbiran Am, Kod 1000—Emolument dan P. 17, muka surat 16 Butiran 1—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan.

Satu masalah yang sering dialami oleh pengusaha-pengusaha kecil di Wilayah Persekutuan akibat Pelan Induk Kuala Lumpur ialah mereka

kerap kali disaman oleh pihak Bandaraya Kuala Lumpur kerana menjalankan perniagaan mereka dalam rumah-rumah kedai. Di bawah Pelan Induk ini, mereka dikehendaki berpindah tempat di mana mereka menjalankan perniagaan sekarang. Ramai pengusaha-pengusaha kecil menghadapi kesulitan untuk berpindah kerana mereka telah menjalankan perniagaan di tempat berkenaan untuk lebih 10 tahun dan saya rasa pertimbangan harus diberi kepada faktor ini. Baru-baru ini seorang pengusaha kecil dalam kawasan saya telah didenda \$50,000 kerana menjalankan perniagaannya dalam sebuah rumah kedai. Seorang lagi yang membaiki kereta di Taman Midah telah didenda \$5,500 kerana telah menggunakan rumah kedai sebagai bengkel. saya rasa tindakan pihak Bandaraya itu adalah keras dan tidak adil sama sekali, kerana apabila mereka iaitu pengusaha-pengusaha kecil mula-mula menjalankan perniagaan mereka, mereka tidak dihalang oleh Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa ketika itu ialah Kerajaan Negeri Selangor dan selepas menjalankan perniagaan begitu lama kini mereka diminta berpindah, kalau tidak dikenakan denda yang tinggi. Adalah tidak adil untuk menghukumkan pengusaha-pengusaha kecil kerana Pihak Berkuasa telah sekian lama ini membenarkan mereka menjalankan perniagaan mereka dalam rumah-rumah kedai dan untuk meminta mereka berpindah adalah tidak adil. Terdapat lebih 3,000 pengusaha-pengusaha kecil yang menghadapi masalah itu dan ramai daripada mereka telah menjalankan perniagaan mereka untuk lebih 10 tahun sebelum penubuhan Wilayah Persekutuan, maka untuk meminta mereka berpindah sekarang tidaklah elok, dan Kerajaan hendaklah memberi perhatian khas kepada pengusaha-pengusaha kecil untuk membantu mereka mengatasi masalah yang

dihadapi oleh mereka. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada golongan pengusaha ini dan berikhtiar mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tuan Pengerusi, satu masalah besar yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan ialah masalah perumahan. Kuala Lumpur mempunyai 250,000 setinggan, selain daripada ini terdapat beribu-ribu orang lain yang memerlukan rumah dan keadaan ini telah memuncak ke peringkat serius. Prestasi Dewan Bandaraya dalam membina rumah-rumah khasnya rumah-rumah kos rendah serta rumah-rumah pangsa adalah lembab sekali, pembekalan tidak dapat memenuhi permintaan. Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah berikhtiar membina lebih banyak lagi rumah-rumah untuk menampung keperluan perumahan terutama harus diberi kepada penduduk-penduduk asal Kuala Lumpur yang tidak berumah. Kebanyakan penduduk-penduduk asal Kuala Lumpur adalah orang-orang China dan India, tetapi mereka tidak diberi keutamaan untuk mendiami rumah flet yang dibinakan oleh Kerajaan. Ini telah mencetuskan perasaan tidak puas hati dan kemarahan. Kami tidak menentang pemberian rumah-rumah kepada orang-orang Melayu kerana mereka juga adalah manusia yang berhak mendapat tempat untuk berteduh, tetapi mengapakah pemohon-pemohon China dan India yang telah menetap begitu lama di Kuala Lumpur dibiarkan begitu sahaja. Kerajaan hendaklah menguntukkan rumah-rumah yang dibinanya untuk mencerminkan komposisi kaum bandaraya kita dan keutamaan hendaklah diberi kepada penduduk-penduduk asal Kuala Lumpur.

Peruntukan mengenai pinjaman sebanyak \$10 juta bagi tujuan perumahan awam untuk Wilayah

Persekutuan tidaklah mencukupi, untuk tahun 1984 sebanyak \$15.8 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Saya minta supaya peruntukan bagi perumahan awam haruslah ditambahkan untuk memenuhi permintaan perumahan rakyat kita.

Akhirnya, ingin saya menyentuh sedikit mengenai banjir. Setiap kali hujan turun Kuala Lumpur dilanda banjir dan akibatnya ialah kesesakan Lalulintas, pemusnahan harta benda. Sungguhpun negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, namun saya berharap peruntukan serta perhatian yang lebih boleh diberi terhadap masalah ini.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa setinggan-setinggan yang duduk di pinggir sungai-sungai hendaklah diberi perumahan oleh pihak Dewan Bandaraya. Pada masa ini setiap kali hujan turun rumah-rumah mereka hampir ditenggelami air dan mereka menghadapi ancaman terhadap nyawa mereka, demi untuk mengelakkan berlakunya sesuatu yang tidak diinginkan, saya syorkan supaya setinggan-setinggan yang menetap di pinggir sungai-sungai diberi perumahan alternative dengan segera.

Tuan Pengerusi: Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.56 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Setapak dan Sungai Besi yang sempat mengambil bahagian dalam perbincangan peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan di peringkat Jawatankuasa ini.

Saya sangat gembira juga apabila Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengesyorkan sokongan

beliau atas peruntukan dan mohon supaya Kementerian Wilayah Persekutuan ditambah peruntukan lebih-lebih lagi untuk projek perumahan awam.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk menjawab tiap-tiap perkara yang dibangkit, sebab ada perkara-perkara yang dibangkit itu memang bermaksud dan bertujuan yang sama. Jadi, dengan seberapa boleh saya akan menjawab semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan dalam masalah perumahan awam yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Yang Berhormat dari Sungai Besi, memang saya sudahpun menjawab masalah perumahan awam kos rendah dalam soalan-soalan di masa soal jawab. Namun demikian sukalah juga saya menjelaskan di sini bahawa pelaksanaan program perumahan memang memerlukan peruntukkan yang lebih besar daripada yang diperuntukan iaitu sebanyak \$186 juta bagi Rancangan Malaysia Keempat untuk membolehkan sasaran sebanyak 30,000 unit dicapai.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya memang memberi perhatian berat tentang masalah perumahan supaya kita dapat memperbanyakkan lagi rumah-rumah awam kos rendah terutama sekali untuk kita menampung keperluan golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dalam jawapan beliau pada 25-10-1984 dan juga saya sendiri pada 7-11-84 telah pun berkata bahawa Kementerian saya bukan sahaja berusaha supaya projek rumah kos rendah dilaksanakan mengikut jadual, malahan juga telah mengambil tindakan menggubal dasar-dasar mengenai perkara ini bagi

menggalakkan penyertaan dan sumbangan sektor swasta dalam bidang ini. Namun begitu, Kementerian saya telah berusaha mencapai sasaran 30,000 unit itu melalui dasar penswastaan. Beberapa projek melalui penswastaan seperti program rumah kos rendah di Projek Bandar Baru Wangsa Maju sebanyak 4,000 unit, dan Kampung Abdullah Hukum sebanyak 350 unit telah pun mula di bina, beberapa lagi projek sedang di peringkat rundingan iaitu di Kampung Pandan, Bukit Kerinchi dan Kuchai. Dengan adanya projek penswastaan ini harga rumah pada kadar \$25,000 satu unit akan terus dibekalkan melalui pembiayaan, dengan izin, "Cross subsidy". Selain daripada meneruskan dengan rancangan perumahan, usaha-usaha sedang dibuat untuk mempercepatkan pelaksanaannya dengan menggunakan sistem, dengan izin, "industrialised housing".

Syor Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk mengecualikan pemaju daripada bayaran tukar syarat tanah tidak timbul di kawasan Kuala Lumpur sebab pemaju masih dapat mengekalkan harga di paras \$25,000 seunit melalui pembiayaan "cross subsidy", iaitu keuntungan yang dibuat bagi pembangunan rumah kos sederhana dan tinggi dapat digunakan sebahagiannya untuk menampung rumah kos rendah dan dengan demikian, Kerajaan tidak kehilangan hasil yang boleh digunakan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan awam yang lain.

Suka juga saya terangkan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa dalam jawapan saya pada 7hb November itu, saya telah pun mengatakan bahawa bagi projek perumahan awam, kos tanah biasanya adalah pada kadar penanaman atau "norminal" sahaja dan bagi membolehkan sektor swasta menyertai bersama di dalam

pembinaan rumah-rumah kos rendah, Kementerian saya telah dan akan melaksanakan 2 cara baru.

Satu, bagi tanah-tanah kepunyaan swasta di Wilayah Persekutuan, Kerajaan akan mengenakan bayaran perubahan syarat, iaitu "conversion fees" pada kadar yang nominal ke atas bahagian tanah yang digunakan untuk perumahan kos rendah. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mohon supaya bayaran perubahan syarat ini dihapuskan. Tuan Pengerusi, tidaklah kita dapat berbuat demikian tetapi kita akan kenakan kadar bayaran yang nominal. Kadar yang kurang juga akan dikenakan kepada tanah untuk perumahan kos pertengahan.

Cara yang kedua, tanah-tanah Kerajaan akan juga dibangunkan melalui cara penswastaan bagi melibatkan penyertaan sektor swasta dan bagi tanah-tanah tersebut akan digelar "pembangunan bercampur" atau "mixed development", dengan izin, untuk membolehkan "cross subsidy" di antara rumah yang berharga tinggi dan rumah yang berharga rendah. Dengan adanya tindakan-tindakan sedemikian, Kementerian saya berpendapat manfaat daripada kos tanah yang rendah dapatlah diberikan kepada pembeli-pembeli rumah dari golongan berpendapatan rendah dalam bentuk rumah yang murah harganya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah pun membangkitkan mengenai dengan pembahagian rumah-rumah mengikut kaum-kaum, terutama sekali rumah-rumah kos rendah. Sukalah saya terangkan di sini bahawa pembahagian rumah awam yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya pada masa sekarang adalah berdasarkan kelayakan-kelayakan dari segi pendapatan dan bilangan ahli

keluarga. Adalah tidak benar pihak Dewan Bandaraya berat sebelah dalam memperuntukkan perumahan awam kepada penduduk-penduduk di Kuala Lumpur. Mereka yang layak mengikut ukuran pendapatan dan bilangan ahli keluarga akan diberikan rumah. Sehingga sekarang peratusan mereka yang menduduki rumah awam Dewan Bandaraya mengikut kaum ialah Melayu 45%, Cina 45%, India dan lain-lain 10%.

Tuan Pengerusi, Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha memperbaiki lif-lif di dalam rumah-rumah pangsa sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang baik dari segi perumahan awam. Lif-lif yang lapuk sedang diganti tetapi penggantian ini bergantung kepada kewangan Dewan Bandaraya. Sehingga sekarang 6 buah lif di Rumah Pangsa Bukit Bangsar berharga \$660,000 sudah mula diganti dan dijangka akan siap pada akhir tahun 1984. 33 buah lagi akan diganti yang mana akan memakan belanja sebanyak \$5.7 juta. Projek rumah awam yang akan terlibat ialah Rumah Pangsa Jalan Tun Razak 21 buah, Rumah Pangsa Jalan Shaw 6 buah dan Rumah Pangsa Tan Cheng Lok, Jalan Loke Yew 6 buah. Saya sedar masalah mengenai dengan penggunaan lif dan keselamatan-keselamatan untuk kita kawal supaya tidak terjadi masalah-masalah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Mengenai pengawasan terhadap mutu kerja syarikat lif, pihak Dewan Bandaraya sentiasa membuat pengawasan dengan mengadakan sistem bilik kawalan yang berfungsi 24 jam. Syarikat-syarikat lif ini diwajibkan menghantar mekanik dalam masa 30 minit selepas laporan atau aduan dibuat. Pihak Dewan Bandaraya juga telah menyenarai hitamkan 2 buah syarikat lif yang telah menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi, suka juga saya tambah di sini bahawa ini adalah salah satu sebab Kementerian Wilayah Persekutuan menggalakkan pembinaan rumah 5 tingkat supaya kita tidak akan dihadapi oleh masalah-masalah lif di masa-masa akan datang dan kurangnya kes-kes kemalangan akibat kerosakan lif dan pengawalan lif dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang menggunakan pendekatan perikemanusiaan di dalam mengambil tindakan ke atas setinggan-setinggan. Ini menyentuh dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dengan tindakan-tindakan Bandaraya terhadap setinggan-setinggan yang mana rumah-rumah mereka dirobohkan. Dewan Bandaraya telah mengambil bancian tahun 1978, iaitu bancian Pelan Induk Kuala Lumpur sebagai tarikh pemisahan menentukan setinggan lama dengan setinggan baru. Mana-mana rumah yang didirikan selepas 1978 dan tidak termasuk dalam bancian pelan induk itu adalah dianggap sebagai setinggan baru. Di dalam tindakan penguatkuasaan, Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan meroboh serta-merta terhadap rumah-rumah setinggan yang sedang dalam proses pembinaan. Bagaimanapun, jika pentadbiran itu mendapat maklumat setelah rumah-rumah baru tersebut siap dibina dan diduduki, maka pentadbiran ini akan memberi notis bertempoh 14 hari bagi membolehkan keluarga mereka mencari tempat tinggal yang lain dan merobohkan sendiri rumah mereka itu. Jika selepas tindakan notis setinggan berkenaan masih enggan merobohkan, maka barulah pentadbiran ini mengambil tindakan penguatkuasaan. Di dalam beberapa kes, setinggan-setinggan itu telah membuat rayuan kepada Wakil-wakil Rakyat hinggalah ke peringkat Menteri.

Tuan Pengerusi, dalam usaha kita mengatur, merancang pembangunan yang baik untuk Wilayah Persekutuan, kita adalah membuat beberapa peraturan yang mana kita mahu supaya penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan dapat mematuhi demi untuk kebaikan kita semua dan juga keindahan dan kecantikan Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini, sukalah saya merayu kepada Wakil-wakil Rakyat dalam Wilayah Persekutuan supaya sekiranya ada setinggan-setinggan yang disaman, yang diberi notis dan sebagainya untuk berpindah, untuk membayar saman, supaya janganlah Wakil-wakil Rakyat berusaha memperjuangkan nasib mereka dalam hal-hal yang memang tidak benar, tidak betul di sisi undang-undang. Kita mahu supaya segala perancangan yang kita buat, segala program-program dapat berjalan dengan licin dan kita tidak akan menyusahkan para setinggan-setinggan, memang tidak akan menyusahkan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan ini. Kes-kes ini berlaku hanya bila setinggan-setinggan kita enggan dan tidak mahu bekerjasama dengan Kementerian mahupun juga dengan Dewan Bandaraya

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada ahli yang bangun minta jalan. Hendak beri jalan?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Pengerusi, jawapan saya ini panjang.

Tuan Pengerusi: Ya, panjang. Tak beri jalan.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Pengerusi, seterusnya juga tindakan penguatkuasaan perlu diteruskan supaya tanah-tanah Kerajaan yang ada tidak diteroka sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu di samping

dapat menjamin wujudnya persekitaran Bandaraya yang bersih dan indah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Dewan Bandaraya telah memperkemaskan jentera pentadbirannya dan telah pun dapat memproses permohonan-permohonan membaiki rumah-rumah setinggan dalam masa dua minggu sahaja. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan terdapatnya permohonan-permohonan yang lambat diproses disebabkan pemohon-pemohon tidak mematuhi arahan-arahan yang diberi seperti yang tercatat dalam borang permohonan dan contohnya kita menyertakan kad bancian setinggan, pelan-pelan lokasi yang tepat dan sebagainya. Dalam hal ini pentadbiran ini terpaksa menghubungi semula pemohon-pemohon untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan itu. Proses ini memakan masa tidak lewat dari 30 hari sahaja.

Projek Aerobus dan Transit Laju Ringan Rel (LRT) akan terus dilaksanakan dan dijangka bermula pada awal tahun hadapan. Kita memang sedar bahawa kita sedang menghadapi masalah kewangan tetapi seperti diyatakan dahulu dan diumumkan dalam suratkhbar, kedua-dua projek ini diswastakan dan juga pihak Dewan Bandaraya terlibat dalam penswastaan ini dengan memegang ekuiti sebanyak 10%. Kedua-dua projek ini adalah penting untuk mengatasi masalah pengangkutan di kawasan pusat bandar akibat daripada penggunaan yang berlebihan kenderaan-kenderaan persendirian. Dengan adanya pengangkutan awam yang lebih baik ini dijangka sebahagian besar daripada perjalanan-perjalanan dalam Kuala Lumpur akan menggunakan kedua-dua sistem tersebut di samping pengangkutan awam yang sedia ada seperti bas dan mini bas.

Masalah letak kereta sedang diatasi. Padang letak kereta dalam bangunan serta luar bangunan telah disediakan. Sehingga bulan Januari, 1984 terdapat sebanyak 16,126 ruang letak kereta dalam bangunan telah dapat disediakan. Dalam tiga tahun dari sekarang bilangan ini akan bertambah menjadi 26,000 ruang letak kereta apabila kesemua bangunan-bangunan yang sedang dalam pembinaan siap kelak.

Cadangan Yang Berhormat dari Kuala Bandar untuk mengadakan padang letak kereta di atas Sungai Kelang dan Sungai Gombak adalah tidak sesuai memandangkan sungai-sungai tersebut akan digunakan untuk laluan Transit Laju Ringan (LRT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, bilangan letak kereta ini akan dikawal untuk mengelakkan terlalu banyak kenderaan persendirian masuk ke pusat bandar apabila sistem Aerobus dan sistem Transit Laju Ringan disiapkan kelak.

Dalam usaha memperbaiki keadaan pengangkutan di kawasan pusat bandar langkah-langkah sedang diambil untuk mengadakan interchange tersendiri, dengan izin, menggantikan bulatan-bulatan yang besar seperti di Bulatan Edinburgh, anggaran kos sebanyak \$34 juta, Bulatan Pahang, anggaran kos sebanyak \$27 juta, Bulatan Jalan Cheras/Jalan Loke Yew, anggaran kos sebanyak \$16.5 juta, Bulatan di Batu 5½, Jalan Cheras, anggaran kos sebanyak \$17 juta dan jejambat Jalan Kepong dengan Jalan Kuching di Batu 5 Utara.

Pihak Kerajaan memanglah sedar tentang kesesakan lalulintas yang berlaku di bulatan-bulatan ini dan oleh sebab cadangan-cadangan jejambat ini yang saya katakan tadi akan menelan perbelanjaan yang besar, projek-projek ini akan dilaksanakan selepas masalah kewangan diatasi dan

sekiranya ada pihak-pihak swasta yang ingin membuat projek ini kita pun layan juga dan juga kita galakan kalau sekiranya ada pihak swasta yang berminat untuk mengambil projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan bagi tiap-tiap projek ini adalah seperti berikut:

Bulatan Edinburgh—

Rekaan kejuruteraan terperinci dan penyediaan dokumen tawaran telah disiapkan.

Bulatan Jalan Tun Razak dan Jalan Pahang—

Kajian kemungkinan telah disiapkan dan kerja rekaan kejuruteraan terperinci sedang dijalankan dan dijangka akan disiapkan pada akhir tahun ini.

Bulatan Jalan Loke Yew/Jalan Cheras—

Demikian juga rekaan kejuruteraan terperinci penyediaan dokumen dalam tawaran telah disiapkan.

Bulatan di Batu 5½, Jalan Cheras—

Rekaan kejuruteraan awal telah disiapkan juga dan telah pun disiapkan untuk ditawarkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada membangkitkan juga mengenai dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur. Apa yang telah dilakukan dan bila dikemukakan untuk bantahan. Pelan tempatan yang sedang disediakan oleh Dewan Bandaraya terbahagi kepada tiga jenis iaitu Pelan Unit Perancangan, Pelan Kawasan Tindakan dan juga Pelan Perkara. Dalam kemajuan penyediaan pelan tempatan terdapat enam pelan unit perancangan yang disediakan dan sekarang ini semua telah pun disediakan. Pada masa ini laporan kajian (inception report) bagi ke semua unit-unit perancangan di atas

telah pun disiapkan. Selanjutnya dasar-dasar dan pelan cadangan masih di peringkat proses penyediaan.

Saya bangkitkan ini Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang ingin tahu apa kesudahan pelan struktur pada peringkat sekarang ini dan suka juga saya tambah bahawa dalam proses untuk kita mengemukakan Pelan Struktur Kuala Lumpur pada pihak awam untuk bantahan, kita ada beberapa lagi prosedur yang harus kita buat, harus kita melalui sebelum kita mengemukakan pelan struktur ini kepada awam untuk bantahan. Saya tidak dapatlah memastikan di sini pada Ahli Yang Berhormat bilakah Pelan Struktur Kuala Lumpur ini akan dikemukakan kepada pihak awam untuk bantahan tetapi saya berharap dengan kerjasama, dengan usaha-usaha yang gigih daripada pegawai-pegawai saya, kita akan dapat mengemukakan pelan struktur ini dalam masa-masa yang akan datang ini.

Tuan Pengerusi, perlantikan Ahli Lembaga Penasihat seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar adalah tertakluk kepada pekenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat daripada Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Susunan Ahli Lembaga Penasihat selama ini tidaklah menjadi masalah kerana mereka adalah mewakili semua kumpulan penduduk di Kuala Lumpur di samping terdiri daripada ahli-ahli profesional dalam berbagai bidang. Mereka mewakili berbagai pendapat dari berbagai kumpulan masyarakat yang berfungsi sebagai penasihat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Selama ini tidak ada kecacatan di dalam susunan Ahli Lembaga Penasihat. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada Kerajaan untuk

mempertimbangkan Wakil-wakil Rakyat yang harus di lantik sebagai ahli-ahli dalam Ahli Lembaga Penasihat.

Ahli Yang Berhormat juga mengesyorkan dan mencadangkan supaya mesyuarat Lembaga Penasihat ini dapat dibuka kepada orang ramai. Untuk membuka mesyuarat Lembaga Penasihat kepada orang ramai tidaklah menjadi halangan kepada Dewan Bandaraya. Dan dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga Penasihat juga kadangkala menjemput orang-orang luar dan juga memanggil wartawan sama ada selepas mesyuarat diadakan untuk memberi keterangan lanjut.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Setapak ada mengemukakan masalah Baitulmal

Kawasan Haji Hussein	11 buah gerai untuk menjual buah-buahan.
Pasar Sentul	10 buah gerai untuk makanan.
Flat Seri Terengganu	10 buah gerai untuk makanan juga.

Memang ada projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan seperti di Jalan Padang Tembak—11 buah gerai untuk penjaja-penjaja, di Pasar Dato Keramat—40 buah gerai untuk penjaja di Jalan Foch sebanyak 10 buah. Projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana sebab-sebab penjaja tidak berminat untuk menyewa gerai Baitulmal dan ingin membuat gerai mereka sendiri.

Projek di Pasar Datuk Keramat tidak sesuai kerana ada pembangunan yang akan dilaksanakan. Kawasan itu tidak sesuai khasnya di Jalan Foch itu, dan dengan sebab projek di Jalan Foch itu tidak dilaksanakan.

Jabatan Pengurusan juga mengenakan peraturan-peraturan yang tetap untuk melesen dan juga untuk pinjaman-pinjaman gerai. Jabatan Pengurusan Penjaja tidak

terutama sekali kerjasama di antara Baitulmal dan Jabatan Pengurusan Penjaja dalam membantu penjaja Muslim, dan kedua hubungan antara kedua pihak untuk mempertingkatkan lagi bantuan-bantuan kepada kaum-kaum Muslim di Wilayah Persekutuan. Kerjasama di antara Baitulmal dan Jabatan Pengurusan Penjaja dalam membantu penjaja Muslim telah bermula pada pertengahan tahun 1983 dan sejak dari itu hubungan antara kedua pihak berterusan dengan semangat kerjasama membantu penjaja. Beberapa projek telah dilaksanakan secara bersama.

Saya beri contoh, projek kerjasama antara Baitulmal dan Jabatan Pengurusan Penjaja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

menghalang pinjaman gerai Baitulmal kepada mana-mana penjaja berlesen. Pihak Baitulmal mensyaratkan tiap-tiap pinjaman gerai mestilah daripada penjaja berlesen. Penjaja yang tidak berlesen tidak akan diberi pinjaman. Jabatan Pengurusan juga tidak menggalakkan pinjaman kepada penjaja-penjaja yang tidak berlesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya terangkan di sini bahawa penjaja tanpa lesen tidak dapat membuat pinjaman gerai-gerai walaupun mereka terdiri daripada kaum Muslim yang miskin. Mereka mestilah memohon lesen terlebih dahulu, kemudian membuat permohonan untuk dipertimbangkan untuk kelulusan.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga membangkitkan jawatan Ketua Bahagian Baitulmal iaitu A24 terlalu

rendah dengan beban tugas dan beliau mencadangkan dinaikkan ke Tingkatan-tertinggi "G". Jawatan Ketua Bahagian Baitulmal dan Zakat pada masa ini ialah A12 Tingkatan Khas dan bukannya A24 sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi iaitu ke jawatan Tingkatan-tertinggi "G" atau lebih tinggi adalah bergantung kepada beban tugas dan penyesuaian jawatan berkenaan. Walau bagaimanapun, perkara ini sentiasa disemak dan dipertimbangkan dari semasa ke semasa sesuai dengan perhubungan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Kerjasama Dewan Bandaraya dengan Baitulmal juga disentuh yang mana Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa tidak dapat kerjasama. Saya telah pun mengatakan lebih awal tadi bahawa kerjasama di antara Bandaraya dengan Baitulmal memang sentiasa ada. Bahagian Baitulmal dan Zakat untuk maklumat Ahli Yang Berhormat adalah salah satu Bahagian di Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan yang mana di bawah bidang kuasa Kementerian saya. Penyelarasan dan kerjasama di antara Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini telah pun wujud.

Bersabit dengan bayaran tempat letak kereta sebanyak \$15,000 bagi satu lot, adalah mengikut peraturan dan kadar yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya. Bayaran ini dikenakan kepada semua tetapi untuk masalah ini, sukalah saya terangkan di sini bahawa kita, Dewan Bandaraya dalam perkara ini sahaja meluluskan kekurangan sebanyak 50% untuk bayaran terhadap tiap-tiap lot letak kereta ini. Dalam hal ini Baitulmal telah pun membayar sejumlah wang dan apabila pihak Dewan Bandaraya mengira balik wang yang dibayar oleh pihak Baitulmal terdapat kelebihan

wang dan pihak Dewan Bandaraya akan membayar kelebihan wang itu kepada pihak Baitulmal.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga membangkitkan perkara "development order" ataupun kelulusan untuk membina ruangan pejabat bertingkat di Jalan Haji Hussein yang mana permohonan ini dibuat oleh pihak baitulmal dan Yang Berhormat itu mengatakan bahawa Dewan Bandaraya tidak memberi kerjasama, sebab tidak meluluskan permohonan yang dipohon untuk mendirikan bangunan Baitulmal di Jalan Haji Hussein. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu "development order", dengan izin, Tuan Pengerusi, untuk 9 tingkat bangunan pejabat ini telah pun diluluskan pada 7hb Mei, 1984 dan pada masa itu Dewan Bandaraya mengenakan syarat-syarat untuk menyediakan 77 lot tempat letak kereta berdasarkan kepada 500 kaki persegi lantai untuk tiap-tiap satu lot kereta. Kemudahan Dewan Bandaraya juga meluluskan tambahan pula terhadap bangunan daripada 9 tingkat itu dijadikan 12 tingkat dan seterusnya pada 31hb Oktober 1984.

Saya sentuh perkara ini Tuan Pengerusi, sebab saya mahu Ahli Yang Berhormat dari Setapak ini faham masalah dan keadaan yang sebetulnya, sebab dalam ucapan Ahli Yang Berhormat semalam, Ahli Yang Berhormat tegas betul-betul supaya Kementerian saya memberi perhatian yang serius dan bukan main-main dalam menghadapi masalah ini. Dan saya berharap dengan maklumat seperti ini Ahli Yang Berhormat faham dan sedar kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh masalah tanah perkuburan. Kita faham bahawa di dalam Wilayah Persekutuan ini terdapat kekurangan

atau had tanah. Jadi memanglah ada masalah untuk kita menetapkan dalam (dengan izin) "zoning plan" kita kawasan-kawasan yang hendak dibangunkan, untuk kegunaan komersial, kawasan-kawasan perumahan, taman-taman termasuklah tanah perkuburan.

Jadi dalam perkara ini, Kementerian saya memang sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap masalah tanah perkuburan, bukan sahaja tanah perkuburan untuk orang-orang Islam sahaja bahkan untuk kaum-kaum lain juga. Jadi, Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedang merancang suatu kawasan yang besar untuk tanah perkuburan Islam di Bukit Kiara, Damansara.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah menegur masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil yang mana didenda kalau tidak mengikut arahan dan membuat kerja-kerja yang tidak dibenarkan oleh Dewan Bandaraya.

Tuan Pengerusi, perkara ini memang terjadi, kalau sekiranya sesiapa pun yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan enggan bekerjasama dengan pihak Kerajaan, maka kita terpaksa mencari jalan bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini dan salah satu daripada jalannya ini ialah dengan mengenakan denda.

Dalam perkara ini maka terdapatlah para peniaga kecil dan pengusaha kecil di Wilayah Persekutuan yang mana mereka apabila tidak dibenarkan berniaga tetapi masih degil lagi berniaga ditempat-tempat yang tidak dibenarkan, maka kita terpaksa keluaran denda dan kita juga keluaran surat-surat notis untuk mereka berpindah dan mencari tempat, memohon lesen dan

sebagainya. Tetapi masanya di mana mereka itu tidak mematuhi arahan dan terus menjalankan perniagaan-perniagaan mereka, kita tidak mahu menggalakkan perkara seperti itu berterusan, perkara yang saya fikir sendiri tidak sihat dan dengan itu kita memang ada mengenakan beberapa syarat dan kalau tidak dipatuhi kenalah denda.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang telah mengesyorkan supaya Kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk rancangan perumahan awam. Seperti yang saya katakan pada awal tadi memanglah peruntukan tidak mencukupi untuk Kementerian saya melaksanakan projek perumahan awam. Dan oleh yang demikian, Kementerian saya dan Kerajaan juga menggalakkan dasar pengswastaan supaya bukan sahaja kita dapat mencapai matlamat kita untuk mengadakan lebih banyak rumah-rumah awam kos rendah tetapi juga kita dapat mempercepatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi juga membangkitkan apabila banjir di Wilayah Persekutuan, maka longkang pun banjir di semua tempat dan kesesakan telah berlaku di Wilayah Persekutuan.

Kementerian saya sedar masalah besar seperti ini dan mungkin Ahli yang Berhormat sedar juga bahawa Kementerian saya dengan kerjasama atau bersama-sama dengan Dewan Bandaraya sedar dan dari satu masa ke satu masa berusaha untuk mengatasi, memperbaiki sungai-sungai yang ada, longkang-longkang dan juga dikenakan syarat kepada pemaju perumahan di Wilayah Persekutuan supaya mengadakan satu sistem longkang yang baik supaya air mengalir dan tidak tersekat di situ dan

tidak mengakibatkan banjir. Dan kalau sekiranya sampai kita mengenakan syarat, sesiapa pemaju-pemaju yang tidak mematuhi arahan ini, kita kenakan denda juga. Jadi, Tuan Pengerusi, maksud saya di sini ialah untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita memang sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap masalah banjir, lebih-lebih lagi pada tahun ini di mana keadaan cuaca agak berlainan sedikit sampailah kita terdapat banjir kilat di beberapa tempat dalam tempoh beberapa bulan tahun ini sahaja. Mungkin petang ini pun nampaknya hendak hujan juga, mungkin ada tempat-tempat yang banjir, tetapi kita telah pun membuat persediaan sekiranya berlaku banjir kilat, kita telah pun membuat persediaan untuk menempatkan mangsa-mangsa banjir nanti.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada lagi perkara yang lain yang dikemukakan dan saya berharap saya telah pun menyentuh sebahagian besar daripada perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap peruntukan kewangan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dalam perbincangan ini.

Jika sekiranya ada perkara-perkara yang terlupa saya bangkitkan, memang Kementerian saya sendiri selalu menitikberatkan dan mengambil perhatian yang serius supaya kita dapat mengemaskinikan lagi masalah pentadbiran kita dan kita dapat memberikan perkhidmatan lebih baik atas segala masalah dan seterusnya mendapat kerjasama daripada semua pihak supaya kita dapat mentadbirkan Wilayah Persekutuan dengan baik dan teratur. Sekian.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$20,938,900 untuk Maksud B. 17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,938,900 untuk Maksud B. 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak 41,775,140 yang disebutkan dalam Maksud P. 17 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$41,775,140 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 18 (Jadual)

Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Kepala B.18 dan Kepala P. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Berhormat dari Parit.

4.38 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Pengerusi, saya bangun memberikan sokongan kepada peruntukan yang diberi kepada Kementerian Perusahaan Utama iaitu sebanyak \$198,605,940.

Dalam membahaskan peruntukan Kementerian ini saya ingin menyentuh Maksud B. 18 Butiran 2 iaitu Perhutanan, Program 2.2 Pengurusan Sumber Hutan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kayu kayan ataupun hasil hutan adalah merupakan salah satu daripada hasil eksport negara yang tak kurang pentingnya.

Maka di sini saya ingin menarik perhatian Kementerian Perusahaan Utama di dalam urusan penjualan ataupun mengeksport hasil kayu kayan ke luar negeri. Begitu juga penjualan hasil-hasil hutan yang lain seperti rotan dan sebagainya.

Apa yang saya hendak bincangkan iaitu di masa-masa yang lepas dan mungkin terus berlaku hingga ke hari ini ialah cara-cara penjualan ataupun cara-cara kita mengeksportkan kayu balak kita ke luar negeri biasanya ataupun amalannya melalui negara ketiga, melalui negara yang menjadi tempat menguruskan penjualan tersebut iaitu seperti Singapura dan Hong Kong. Tindakan yang seperti ini ataupun amalan yang seperti ini tentulah akan menguntungkan negara tersebut.

Dan keuntungan yang didapati oleh negara ketiga ini tentulah lebih tinggi daripada pendapatan negara kita sendiri, negara kita yang mengeluarkan balak, negara kita yang memiliki hasil kayu-kayan, hasil hutan, tetapi kita dapat untung sedikit sedangkan negara-negara yang jadi perantaraan atau negara ketiga ini mendapat untung yang banyak.

Saya berikan contoh, Tuan Pengerusi, misalnya selain daripada kayu balak ini, hasil rotan yang kita jual ke luar negeri, keuntungannya banyak ataupun begitu tinggi didapati oleh negara ketiga. Kalau Malaysia hanya mendapat \$5.5 juta sedangkan negara Singapura mendapat \$23 juta dan Hong Kong, kedua-dua mendapat \$55 juta. Kedua-dua negara ini menjadi negara perantaraan. Jadi, kita bayangkanlah, rotan kita punya. Di Hong Kong dan di Singapura itu rasa saya sebatang rotan pun tidak ada

tetapi bila menguruskan eksport rotan ini kita dapat \$5½ juta sahaja, Singapura dapat \$23 juta, Hong Kong dapat \$55 juta. Jadi, sudah tentulah perkara ini merugikan kita. Kita lihatlah sendiri betapa besarnya keuntungan yang didapati oleh negara-negara ke tiga ini.

Maka di sini saya mencadangkan Kementerian Perutamaan Utama hendaklah menjalankan satu tindakan yang tegas supaya pengeksportan ataupun penjualan mengeksport kayu-kayan dan juga hasil-hasil hutan kita hendaklah melalui pelabuhan-pelabuhan kita sendiri yang tidak kurang dengan kelengkapan yang disediakan, iaitu melalui pelabuhan Pasir Gudang dan juga Pelabuhan Kelang ataupun pelabuhan-pelabuhan yang lain. Maka tidak perlu lagi kita melalui negara ketiga. Kita janganlah leka atau sentiasa tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha balak yang melakukan penjualan mengikut sesuka hati mereka sendiri. Mereka hanya sentiasa memikirkan kepentingan ataupun untuk mendapat untung dan faedah yang segera. Kalau sekiranya mereka itu menjual ataupun mengeksport kayu-kayan ataupun hasil-hasil hutan dengan melalui Lembaga Kayu Kayan Negara misalnya, mungkin mereka akan lewat mendapat faedah-faedah dan keuntungan, maka sebab itulah mereka lebih suka menjualkan hasil-hasil hutan ini secara terus melalui negara ke tiga.

Saya memang tahu bahawa perkara yang seperti ini memang pernah dicadangkan oleh Lembaga Kayu Kayan Negara supaya menyalurkan eksport kayu-kayan dan hasil hutan ini melalui Pelabuhan kita, Pasir Gudang dan Pelabuhan Kelang tetapi telah mendapat satu protes yang kuat daripada pengusaha-pengusaha balak sendiri. Oleh itu Kementerian Perusahaan Utama patutlah

memikirkan kepentingan hasil negara lebih utama daripada kepentingan pembalok-pembalok yang membuat protes tersebut. Tindakan ini amat penting sekali dilaksanakan kerana selama ini negara kita mengalami kerugian beribu juta ringgit, iaitu melalui tukaran wang asing, rugi juga berjuta-juta ringgit dalam faedah-faedah insuran dan cukai yang hanya menguntungkan negara yang ketiga tersebut. Tuan Pengerusi, itu berkenaan dengan Butiran 2, Program 2, B. 18 tadi.

Kemudian saya ingin beralih kepada Maksud Pembangunan P. 18, Butiran 2 juga iaitu Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad.

Tuan Pengerusi, masalah ini telah pun saya sentuh semasa saya membahaskan peruntukan ataupun Belanjawan negara secara umum, perbahasan umum. Saya telah menyentuh masalah harga getah asli yang tidak pernah stabil dalam ucapan tersebut. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, saya mengucapkan terima kasih kepada penerangan dan penjelasan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri akan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian ataupun Kerajaan kita mengenai kestabilan harga getah. Tetapi saya merasa kurang yakin akan usaha-usaha Kerajaan untuk menstabilkan harga getah ini. Kita sedia maklum bahawa getah adalah merupakan mata pencarian utama penduduk-penduduk di desa-desa. Tegasnya penduduk-penduduk di luar bandar yang kebanyakannya menjadi pekebun-pekebun kecil.

Apa yang saya timbulkan ialah mengapakah harga getah ini sangat lembab sekali, untuk peningkatannya. Semenjak zaman penjajahan lagi hinggalah awal-awal merdeka dan berlanjutan hingga ke hari ini, harganya tetap di tahap yang sama, tidak ada berubah. Itu yang saya

timbulkan, dalam lingkungan \$1.00 sekali ataupun \$1.50 sekilo. Itulah harganya sejak zaman penjajah, zaman awal merdeka hinggalah zaman sekarang. Berbanding dengan harga barang-barang lain, barang keperluan, barang-barang kehidupan rakyat yang diperlukan setiap hari, harganya meningkat dari masa ke semasa sehingga amat jauh berbeza dengan harga getah yang merupakan sumber pencarian untuk membeli barang-barang makanan ini, barang-barang keperluan. Jadi, itu yang saya timbulkan.

Saya mencadangkan dahulu supaya pihak yang berkenaan mencari jalan atau berusaha supaya kenaikan harga-harga barang yang tidak ada sekatanya pada hari ini kalau dibandingkan dengan zaman-zaman awal kita merdeka langsung tidak seimbang dengan harga getah yang tetap di tahap yang demikian.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kalau mungkin boleh, untuk mengatasi masalah ini iaitu yang pertamanya Kerajaan patutlah mengurangkan ataupun kalau boleh berhentikan terus penjualan getah ke negara-negara yang lain. Eksport kita ke luar negeri ini kita berhentikan kerana langsung tidak ada pertimbangan daripada negara-negara yang membeli. Harga getah kita dibeli dengan murah sedangkan apabila getah itu telah mereka proses, mereka jual balik ke negeri kita dengan harga yang tinggi.

Kalau beginilah tindakan negara-negara yang membeli getah kita, yang berkehendakkan getah kita, apa salah kita sekat, kurangkan atau berhentikan terus dan hasil getah kita ada dalam negara ini kita proses sendiri. Kerana kita sedia maklum, di negara kita ini kenderaan begitu banyak, kadang-kadang Bandaraya ini jam. Begitu juga di bandar-bandar yang lain, kalau dahulu dari sini ke Ipoh tiga jam boleh sampai, sekarang

4½ jam baru sampai. Ini menunjukkan bahawa kenderaan begitu banyak dan tiap-tiap kenderaan itu ada berkehendakkan getah, tayar. Ertinya hasil getah kita begitu banyak kegunaannya, jadi kita proses sendiri. Kita sudah mengamalkan Pandang ke Timur membawa teknologi Jepun dan teknologi Korea ke mari, kita gunakan teknologi ini untuk membina ataupun membuat kilang-kilang memproses getah kita. Dengan cara ini tidak perlu lagi kita menjual getah ke luar negeri, kita hasilkan barang-barang yang boleh kita buat daripada getah dan kemudian tentu kita boleh tinggikan harga getah kita.

Kemudian cadangan saya yang kedua, ini untuk pertimbangan kalau difikirkan boleh iaitu kita berhentikan terus kerja-kerja penoreh-penoreh getah, tidak usah lagi mereka menoreh getah, kebun-kebun kecil di luar bandar itu kita tebang semua, kita tanam semula dengan tanaman yang lain, misalnya kelapa sawit ataupun tanaman-tanaman lain harganya boleh kita lihat sendiri meningkat dari semasa ke semasa. Kemudian kalau sekiranya kita hendak mengekalkan terus hasil getah, kita ada estet-estet yang dipunyai oleh orang asing, yang dipunyai oleh orang-orang bukan bumiputera, jadi biarlah mereka itu terus mengusahakan estet-estet getah mereka kerana mereka sudah memang kaya, dan mereka bukan sahaja mengharapkan hasil daripada getah estetnya. Mereka ada sumber kekayaan yang lain, biar mereka teruskan tetapi kepada petani-petani luar bandar, penoreh-penoreh getah luar bandar kita berhentikan kerja mereka yang dapat seringgat, dua ringgit sehari, tebang pokoknya dan kita tanam tanaman-tanaman yang lain. Apa yang saya sampaikan ini merupakan harapan daripada penoreh-penoreh getah, sebab itu saya cakap pun cara cakap orang penoreh getah.

Tuan Pengerusi, itu sahaja cadangan saya kepada Kementerian Perusahaan Utama untuk pertimbangan dan juga untuk kajian. Jadi sekianlah sahaja maka saya akhirlah sokongan kepada peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sibü.

4.53 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibü): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian atas peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama di bawah Maksud Bekalan 18, Butiran 2—Perhutanan, 2.1 Dasar dan Pentadbiran, mukasurat 77 dan Butiran 46 dan 47, mukasurat 81.

Dalam Belanjawan Persekutuan 1985, Kementerian Perusahaan Utama meminta Dewan ini untuk memperuntukkan sebanyak \$198.61 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini juga adalah bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, khasnya, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada dilema sektor industri perhutanan yang tidak normal di Sarawak, memandangkan Sarawak menjadi pengeksport balak yang paling penting, di Malaysia. Jikalau Kerajaan tidak boleh mengatasi beberapa masalah yang timbul, saya yakin semua rancangan Kerajaan bagi memelihara sumber-sumber perhutanan akan gagal, hasil eksport akan menurun dan amalan-amalan rasuah akan berterusan.

Tuan Pengerusi, masalah yang utama berhubung dengan industri balak Sarawak adalah bahawa harga bahan-bahan keluaran balak adalah dikawal oleh pasaran pembeli-pembeli Jepun. Pembeli-pembeli Jepun telah pun menubuhkan suatu jalinan pengumpulan maklumat yang menyeluruh di Sarawak dan Sabah.

Jalinan ini boleh melengkapkan pengimport-pengimport di negeri Jepun dengan maklumat yang paling masyor ini berhubung dengan pengeluaran, keupayaan simpanan dan harga bahan-bahan pengeluaran balak yang paling rendah pada bila-bila masa pun. Malah ia juga boleh menyediakan maklumat mengenai kos pengeluaran kayu-kayu balak dan perubahan-perubahan daya pengeluaran, yang diakibatkan oleh perubahan-perubahan cuaca, ilmu alam dan masa. Akibatnya, pembeli-pembeli Jepun mempunyai maklumat yang paling lengkap serta masa kini, untuk merundingkan harga-harga pasaran yang paling rendah. Semasa sesuatu kejatuhan harga seperti yang berlaku sekarang, semua pembalok-pembalok menghadapi pertANDINGAN yang ketat di kalangan mereka sendiri. Jadi, harga-harga kayu balak masih mengalami penurunan. Kayu balak bukit yang terbaik seperti Meranti hanya berharga US\$80 setiap cubic meter, dan balak yang lebih rendah mutunya, seperti US\$50 setiap cubic meter. Akan tetapi kos pengeluaran balak-balak termasuk royalti adalah setinggi \$250 hingga \$300. Adalah jelas bahawa eksport balak-balak secara besar-besaran adalah merupakan suatu perniagaan yang kian merugikan.

Kerajaan telah melancarkan dasar Pandang ke Timur dan akibat daripadanya orang-orang Jepun telah meneruskan strategi penjajahan ekonomi mereka. Pada hari ini, barang-barang keluaran Jepun sedang memenuhi pasaran kita dan pada masa yang sama, orang Jepun juga telah berjaya mengawal penawaran serta harga sumber-sumber asli seperti balak. Industri balak Sarawak dan Sabah telah menjadi mangsa keadaan ini. Orang-orang Jepun telah menghilangkan segala dorongan industri balak kita. Walaupun Sarawak mempunyai STIDC, kononnya untuk melindungi industri

balak tempatan, ia telah dibuktikan langsung tidak mencukupi untuk menghadapi taktik-taktik tekanan tinggi pembeli-pembeli Jepun.

Tuan Pengerusi, aktiviti-aktiviti Jepun ini mestilah dicabar. Negeri Sarawak adalah begitu kaya dalam sumber-sumber balak, yang mesti digerakkan serta dieksploitasi untuk memperolehi keuntungan yang maksima, bagi kebajikan awam rakyat Sarawak. Pembeli-pembeli Jepun ini sedang menafikan hak orang-orang Sarawak untuk menikmati hasil kekayaan tanah mereka dan strategi-strategi baru mesti diadakan untuk mengatasi masalah ini. Pasaran-pasaran yang baru mesti diadakan. Pengeluaran balak-balak mesti dikawal serta distabilkan supaya mengekalkan kadar harga yang boleh diterima di pasaran dunia. Setakat ini, badan-badan berkuasa perhutanan negeri tidak banyak berusaha untuk membangunkan pasaran-pasaran baru supaya industri balak kita tidak akan dikawal oleh pembeli-pembeli Jepun. Melainkan keadaan ini diatasi, kita akan terus mengalami harga-harga yang menyaksikan suatu peningkatan di dalam eksport balak, kita sebenarnya sedang kehilangan wang dan juga melemahkan nadi ekonomi negara kita.

Wujud aspek di dalam pembangunan perhutanan. Yang pertama adalah skim-skim penanaman semula bagi menjamin penawaran balak yang berterusan. Yang kedua adalah aspek menjamin harga-harga balak membawa faedah-faedah yang konkrit kepada rakyat. Semua badan-badan berkuasa pembangunan perhutanan mesti memainkan kedua-dua peranan yang telah saya nyatakan tadi.

Badan berkuasa pembangunan perhutanan negeri Sarawak adalah amat penting. Ini adalah kerana pengeksportan balak dari Semenanjung Malaysia adalah paling

kurang dan pengeksportan Sabah pula semakin menurun. Jadi, Sarawak merupakan sumber balak Malaysia yang utama.

Menurut suatu kaji selidik yang tidak rasmi, isipadu eksport kayu balak Sarawak telah melebihi 1 juta cubic meter setiap bulan dalam beberapa bulan yang lepas. Salah satu daripada pengeluar-pengeluar yang paling besar sedang mengeluarkan kira-kira 400,000 cubic meter setiap bulan. Tuan Pengerusi, oleh kerana harga-harga dan pengeluaran adalah dikawal oleh pembeli-pembeli Jepun dan bukan pengeluar-pengeluar sendiri, pembesaran pemeliharaan hutan-hutan adalah dihadkan. Ini dengan seriusnya mengancam sumber asli yang amat berharga tetapi kian merosot ini. Jadi, badan-badan berkuasa pembangunan perhutanan negeri mesti menumpukan perhatian yang rapi kepada perhubungan erat di antara harga-harga dan pengeluaran, supaya melaksanakan dasar pemeliharaan dengan lebih berkesan.

Kerajaan Negeri memperolehinya daripada cukai-cukai balak seperti royalti, cukai pembangunan serta eksport dan premium asli. Dengan menjamin harga bagi bahan-bahan keluaran balak yang adil, Kerajaan Negeri akan juga dapat menjamin pendapatan yang lebih tinggi bagi negerinya.

Tuan Pengerusi, suatu lagi sebab bagi harga-harga balak yang menurun di Sarawak adalah pengeluaran berlebihan. Mungkin Kerajaan Negeri telah mengeluarkan terlalu banyak konsessi balak. Walaupun setiap konsessi adalah terhad dari segi jumlah balak yang dibenarkan dieksplotasi, jumlah besar lesen-lesen yang terlalu banyak telah menyebabkan pengeluaran berlebihan. Adalah jelas bahawa wujud sesuatu yang amat buruk dengan sistem pengeluaran kita.

Kebanyakan pemegang-pemegang lesen sepatutnya merupakan firma-firma bumiputera, tetapi sebenarnya ia merupakan rancangan-rancangan Ali Baba. Pemegang-pemegang lesen ini secara am menjual konsessi mereka kepada pembalak-pembalak dan pengeluar-pengeluar balak bagi memperoleh "duit kopi". Jumlah duit ini berubah-ubah daripada beberapa ratus ribu ringgit kepada berpuluh juta ringgit. Kawalan oleh rakyat ke atas pelesenan adalah paling kurang. Jadi, rasuah adalah berleluasa. Kadangkala, lesen-lesen sedemikian adalah diperolehi oleh penawar yang paling tinggi di dalam suatu sistem penawaran.

Barang siapa pun di dalam perniagaan balak di Sarawak pasti akan menyedari darjah rasuah di dalamnya. Ia hanya perlu mengendalikannya sedikit penyelidikan. Tuan Pengerusi, melainkan rasuah yang begitu tinggi pertaruhannya dibanteras, sebarang perundangan tidak akan dapat membangunkan sumber-sumber perhutanan kita bagi manfaat rakyat.

Jadi, saya menyeru kepada Kerajaan Barisan Nasional yang menjamin menubuhkan suatu pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah untuk mengarah ACA menyelidiki perkara ini. Pada masa yang sama, pihak-pihak berkuasa yang lain patut diarah juga mengadakan tawaran-tawaran terbuka bagi tujuan mengeluarkan nombor-nombor kereta yang menarik dijalankan.

Tuan Pengerusi, menurut Laporan Ekonomi tahun 1983/1984, luas kawasan hutan negara kita sedang kian menurun. Pada akhir tahun 1981 terdapat 20.8 juta hektar hutan di Malaysia, tetapi menjelang tahun 1982 ianya menurun kepada 19.7 juta hektar sahaja. Ini mewakili suatu kadar penurunan sebanyak 4.8%. Adalah dianggarkan bahawa 800,000 hektar hutan akan diusahakan.

Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, penghutan semula yang dicapai oleh beberapa negeri terdiri daripada 229,000 hektar. Dalam tahun 1984 dan 1985 telah dianggarkan bahawa 162,000 hektar akan ditanam semula.

Tuan Pengerusi, daripada angka-angka di atas, sumber perhutanan seluas 20 juta hektar yang sedia ada akan habis dalam masa 25 tahun sahaja pada kadar pembalakan tahunan 1983. Tetapi pada kadar pancaran penghutan semula mewakili 81,000 hektar, kita akan hanya ketinggalan 2.25 juta hektar dalam masa 25 tahun. Jadi, adalah jelas bahawa setakat ini, penghutan semula tidak pernah berjaya, dan perhatian lebih serius harus diberikan kepadanya. Kalau tidak, kita akan kehilangan sumber-sumber balak kita.

Saya menyedari bahawa simpanan-simpanan hutan tetap telah pun ditubuhkan. Ia berjumlah 1.2 hektar atau 12

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Ling Sie Ming: Satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Ling Sie Ming: Yes, terima kasih. Atau 12.7% semua tanah hutan di Sarawak, 2.3 hektar atau 49% tanah hutan di Sabah, dan 4.7 hektar di Semenanjung Malaysia. Sebagai tambahan, dua taman simpanan negara adalah juga dicadangkan untuk melindungi 250,000 hektar hutan. Akan tetapi semua langkah-langkah ini tidak dapat menjamin bahawa penghabisan sumber-sumber perhutanan kita tidak akan dielakkan.

Satu lagi masalah serius adalah hakisan tanah kerana tidak melaksanakan rancangan-rancangan penanaman semula dengan sertamerta. Ini adalah kerana permukaan

tanah khususnya di kawasan berbukit, akan dihakis oleh hujan. Jadi, penekanan yang lebih harus diberikan kepada penghutan semula serta pemeliharaan, supaya menjamin satu bekalan balak yang lebih daripada mencukupi bagi 20 tahun atau 100 tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.13 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja di bawah Maksud B. 18, muka surat 77 Butiran 2.2—Perhutanan dan Pengurusan Sumber Hutan. Dalam negara kita sekarang ini pihak Kerajaan terutamanya melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah pun berusaha untuk memajukan industri-industri kampung, industri-industri luar bandar yang berasaskan kepada minor forest products, dengan izin. Ini adalah satu usaha yang baik dengan alasan untuk menambahkan pendapatan bagi penduduk-penduduk luar bandar pada masa ini.

Tuan Pengerusi: Oh! menyokong peruntukan di bawah Kementerian Perusahaan Utama, mukaddimah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit-sedikit, Tuan Pengerusi, sebab ia ada kaitan. Sebenarnya urusan ini berkaitan terutamanya untuk menjelaskan bahawa beberapa tindakan ataupun beberapa peruntukan yang telah dibuat oleh Dewan ini di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Dengan itu saya ingin menyentuh tentang kelulusan atau Akta-akta yang telah kita luluskan terutama mengenai Akta Perhutanan Negara dan Akta Mengawalselia Industri-industri Berasaskan Kayu di mana pihak

berkuasa negeri akan diberi kuasa untuk memberi lesen atau melesenkan sesiapa yang ingin membuka industri kecil ini.

Soalnya, pada pandangan saya beberapa peraturan yang telah pun kita tetapkan di Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak akan menjejaskan perkembangan pertumbuhan industri kecil ini. Itulah sebabnya saya sebutkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dua agensi ini, sebab ada kaitan di antaranya. Sebab saya katakan begitu, pertama sekali bagi seseorang yang hendak menjalankan usaha untuk memajukan industri kecil luar bandar yang berasaskan kepada rotan, buluh atau bertam ini, mestilah pertama sekali mendapat lesen daripada pihak berkuasa negeri. Itu Akta yang kita luluskan.

Yang kedua, setelah ia mendapat lesen, ia perlu pula mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri bagi mendapatkan bahan itu sama ada buluh, rotan, bertam ataupun lain-lain bahan daripada hutan untuk tujuan bagi mengembangkan industri kampungnya itu.

Yang ketiga, selepas daripada itu, pemohon terpaksa pula mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kilang. Jadi bermakna seseorang yang ingin untuk menjalankan perusahaan ini mestilah mendapat kelulusan dari tiga jabatan di mana kerja-kerja dokumentasinya adalah banyak dan pada pandangan saya, jika sekiranya seorang kampung yang mempunyai pelajaran yang rendah, sudah pasti sukar baginya untuk mendapatkan ketiga-tiganya sekali, mungkin akan memakan masa yang lama bagi beliau mendapatkan kelulusan ini.

Pada pandangan saya, memanglah baik Akta Perhutanan Negara itu diluluskan kerana ianya akan menimbangkan soal perhutanan semula dan bagaimana hendak

mengawal hutan simpan misalnya dan hendak menanam semula di kawasan hutan itu. Dengan alasan itu kita dapati bawa bahan-bahan seperti rotan adalah cukup lambat untuk tumbuh. Rotan inipun bukan semua rotan boleh dibuat perabot. Rotan-rotan yang tertentu seperti rotan manau, rotan buku hitam yang dibuat perabot ini lambat masanya dan ada pihak berkuasa negeri misalnya melalui KEDA diberi tugas untuk menanam rotan, tetapi sayangnya sehingga setahun baru lebih kurang satu kaki ia naik daripada bumi. Ini menunjukkan bahawa bahan-bahan daripada hutan ini lambat tumbuh dan ini akan menyebabkan perkembangan sektor industri kecil luar bandar ini lambat berkembang.

Dengan itu saya ingin mencadangkan kepada Kementerian supaya dapat membuat penyelidikan, membuat kajian bagaimanakah hendak mempercepatkan, kita beri ia tumbuh cepat supaya bahan ini tidak kehabisan. Begitu juga dengan bahan-bahan yang lain seperti buluh yang saya sebutkan tadi, bertam yang dibuat anyaman yang begitu cantik dan elok.

Perkara yang saya hendak sebutkan yang saya katakan sekatan secara tidak langsung ini, pernah satu ketika dahulu, dua tahun sudah, kalau tidak silap saya, KEDA ini di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah telah ditangkap oleh pihak berkuasa negeri—Jabatan Hutan, kerana mengambil rotan daripada hutan yang dijaga oleh Jabatan Hutan. Itu memang betul, memang tepat pun. Tetapi ini menunjukkan sedikit sebanyak akan melambatkan perkembangan apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan.

Kita buat undang-undang, membuat peraturan dengan secara tidak langsung ianya menyekat perkembangan hasrat Kerajaan itu sendiri. Jadi kita bolehlah

pertimbangkan perkara ini supaya ianya dapat berkembang dengan baik dan mungkin saya tidak tahu apakah maksud sebenar Kerajaan bagi mengadakan Akta bagi mengawalselia industri-industri berasaskan kayu ini. Kalau kita lihat senarai yang diberikan, ada satu jentera bagi memproses buluh untuk dijadikan pencucuk satay, itupun perlu mendapat lesen, satu jentera dan kilang pallet membuat tong, ada satu jentera pemotong, ada pemukul, sudah mesti mendapatkan lesen. Inilah yang saya katakan beberapa perkara yang secara tidak langsung menyebabkan perkembangan industri ini akan terbantut.

Perkara yang kedua di bawah butiran ini juga, saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah terdapat perbezaan terutamanya bagi negeri Kedah, usaha untuk menjalankan perusahaan kayu getah. Di negeri Kedah mesti mendapat lesen daripada pihak-pihak berkuasa negeri ataupun Jabatan Hutan. Tetapi apabila kayu itu dipindahkan ke Seberang Perai, ke Bukit Mertajam, boleh diproses di situ tanpa mendapat lesen. Dan perkara yang kedua bagi negeri Kedah, hendak mendapatkan kelulusan untuk memproses kayu getah ini kena dirujuk kepada sebuah syarikat iaitu MALAYAWATA.

Saya tidak faham mengapakah Kerajaan perlu merujuk kepada Malayawata sebelum membenarkan seseorang itu untuk mengusahakan industri kecilnya, atau hendak membuka sebuah kilang perabot perlu bergantung kepada pandangan sebuah syarikat gergasi Malayawata di Seberang Perai. Mengapakah ini boleh terjadi? Saya harap pihak Kerajaan dapat mengkaji semula perkara ini dan kalau boleh hapuskanlah peraturan ini. Malayawata itu sebuah syarikat yang telah pun besar, yang sudah kaya-raya, benarkanlah orang-orang

perseorangan terutama di negeri Kedah khususnya untuk membuka industri perabot ini dengan sendiri tanpa bergantung ataupun merujuk kepada Syarikat Malayawata untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Kerajaan. Dan saya tidak nampak kepentingan untuk mengawal kayu getah ini yang dikongkong, kalau boleh saya sebutkan oleh Syarikat Malayawata ini dan dengan itu saya menyokong perbelanjaan di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Seremban.

5.22 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap sedikit di bawah Maksud B. 18, muka surat 77, Butiran 1—Ibu pejabat, 1.1 dan 1.2

Pertumbuhan Lembab Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi, sementara Pengeluaran Kasar Dalam Negeri dijangka bertumbuh sebanyak 6.9% dalam tahun 1984 berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5.9% dalam tahun 1983, kadar pertumbuhan perusahaan utama telah ketinggalan. Sektor pertanian termasuk perusahaan utama telah mengalami kadar pertumbuhan negatif sebanyak 2.4% dalam tahun 1983 dan kadar pertumbuhan sebanyak 3.7% dalam tahun 1984. Sementara pertumbuhan minyak kelapa sawit adalah significant iaitu 11.1% dalam tahun 1984, pengeluaran getah dijangka meningkat sebanyak 1.2% sahaja dan pengeluaran kayu balak dijangka menurun sebanyak 3.5%.

Pengeluaran bijih timah tidaklah juga baik disebabkan ia adalah satu aset yang susut pengeluarannya dijangka menurun lagi. Adalah dikatakan terdapat simpanan-simpanan logam di dasar laut tetapi ia tidak dapat diperolehi dengan teknologi yang sedia ada.

Getah pernah menjadi tunggak utama atau, dengan izin, mainstay ekonomi dan telah menjadi punca utama yang mendatangkan pertukaran asing. Sekarang ia telah dikalahkan oleh sektor pembuatan (manufacturing). Bahagian getah dalam GNP ialah 10% berbanding dengan 16% bagi pembuatan.

Malaysia pada masa sekarang adalah pengeluar utama getah tetapi kedudukan ini diancam oleh harga getah yang berterusan rendah dan ini pula telah menyebabkan gaji yang rendah bagi penoreh-penoreh getah dan pendapatan yang rendah bagi pekebun-pekebun kecil getah. Pengeluaran getah akan meningkat sedikit sahaja sebanyak 1.2% dalam tahun 1984 berbanding dengan 4.6% dalam tahun 1983. Ini adalah bukti akan percayaan yang semakin luntur tentang masa depan getah, malah banyak tanah getah sedang ditukar oleh pekebun-pekebun kecil dan ladang-ladang untuk ditanam dengan tanaman-tanaman yang menghasilkan pendapatan yang lumayan seperti kepala sawit.

Beribu-ribu ekar getah tidak ditoreh di beberapa tempat di negara ini, bahkan hanya pada minggu lepas terdapat laporan mengenai tanah-tanah yang ditanam dengan getah di Kelantan dan Kedah yang terbiar dan tidak ditoreh kerana pemuda-pemuda lebih berminat bekerja di bidang-bidang lain yang membawa pendapatan yang lebih. Di negeri saya iaitu Negeri Sembilan keadaan ini adalah juga sama di mana pemuda-pemuda kita memilih untuk bekerja di kilang-kilang, bidang pembinaan dan sebagainya. Adalah disahkan bahawa lebih satu juta ekar tanah yang subur termasuk tanah padi tidak diusahakan. Angka-angka bagi tanah getah tidak dapat diperolehi tetapi saya tidak hairan sekiranya angka-angka ini adalah sama dengan jumlah tanah subur yang dibiarkan—satu juta atau lebih ekar. Ladang-ladang juga

menghadapi kekurangan tenaga buruh iaitu penoreh-penoreh getah dan penuai-penuai kelapa sawit dan ini telah memaksa ladang-ladang mengupah pendatang-pendatang haram. Pada hari ini terdapat beratus-ratus ribu pekerja-pekerja seumpama itu di Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan lain-lain negeri.

Pada asasnya Malaysia mempunyai ekonomi yang berasaskan pertanian dan pembangunan ekonomi boleh menghadapi bahaya sekiranya masalah tidak minat yang ditunjuk oleh pemuda-pemuda kita dalam pekerjaan pertanian tidak dianalisa dan diselesaikan.

Pertama, dasar Kerajaan untuk menggalakkan penghijrahan dari luar bandar ke bandar hendaklah diubah atau digugurkan buat sementara waktu sebagai ganti, penekanan hendaklah diberi mengenai kebaikan dan "rewards" yang sedia ada dalam karier di dalam sektor pertanian.

Dasar tanah hendaklah diubah supaya tanah diberi kepada mereka yang tidak bertanah dan bukan kepada tycoon atau syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan. Selain daripada rancangan-rancangan FELDA, satu dasar untuk memberi tanah kepada mereka yang ingin bertani atau bercucuk tanam hendaklah dimulakan.

Satu, dengan izin, satu persamaan polisi (parallel policy) untuk orang yang tidak bertanah hendaklah diberikan kepadanya supaya dia boleh menanam getah. Terdapat beribu-ribu orang yang bersedia bekerja dan mengusahakan tanah sekiranya tanah diberikan kepada mereka untuk berbuat demikian. Gaji yang rendah mungkin merupakan penyebab utama mengapa pemuda-pemuda keciwa dengan kerja-kerja luar bandar.

Pengkajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah menyatakan bahawa

terdapat peningkatan dalam kadar kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja ladang dan laporan tersebut menyatakan bahawa kemerosotan ini adalah disebabkan oleh harga getah dan minyak kelapa sawit yang rendah. Laporan tersebut menyatakan, saya quote dengan izin:

“Pendapatan purata setiap bulan telah menurun dari \$328 bagi getah dan \$264 bagi minyak kelapa sawit dalam tahun 1980 kepada \$266 dan \$258 masing-masing dalam tahun 1983”.

Gaji sudah turun atau pendapatan sudah turun, gaji-gaji ini tidaklah baik sekiranya dibandingkan dengan gaji yang diperolehi di dalam sektor pembinaan (construction) di mana seorang pekerja mahir atau artisan mendapat antara \$30 hingga \$50 setiap hari. Perusahaan getah tidak akan dapat bersaing dengan perusahaan-perusahaan pembuatan dan pembinaan untuk menarik pemuda-pemuda bekerja di bidang tersebut.

Tuan Pengerusi, satu alternatif ialah untuk mendapatkan harga yang tinggi untuk getah. Pihak International Natural Rubber Organisation (INRO) sedang berusaha membuat ini, tetapi usahanya nampaknya tidak berjaya. Sementara inflasi telah melambung naik, harga getah tidak naik dan sebaliknya kini telah menurun kepada 176.64 sen sekilo.

Alternatif yang lain ialah untuk meningkatkan pengeluaran setiap pekerja dengan cara mekanisme (mechanisation). Dari segi teori, pengeluarannya boleh bertambah dua kali ganda sekiranya beliau dapat menoreh 1000 pokok getah setiap hari berbanding dengan 500 pokok yang ditoreh biasanya.

Ke arah ini, Institut Penyelidikan Getah telah mencipta satu alat menoreh getah yang menggunakan kuasa elektrik, tetapi alat ini masih berada dalam peringkat experimental

dan tidak digunakan dengan luasnya. Adalah jelas usaha untuk mechanise pengeluaran getah tidak mendatangkan kejayaan. Tidak banyak penekanan dan usaha dijalankan ke dalam penyelidikan tentang bagaimana pengeluaran boleh di mechanise, pada hal banyak yang bergantung kepada ini. Seperti sektor pertanian Amerika diubah menerusi “mechanisation”, maka perusahaan getah kita juga hendaklah menjalani satu perubahan dan diberi nafas baru menerusi mechanisation.

Menteri berkenaan hendaklah mempunyai satu pasukan petugas yang mengandungi ahli-ahli sains dan jurutera-jurutera untuk mengkaji perkara ini dan janganlah bergantung kepada penemuan secara kebetulan (discovery by accident) atau cara-cara “ad-hoc” sahaja, sekiranya perusahaan getah hendak terus kekal sebagai, dengan izin, “foreign exchange earner” yang utama, sekiranya kita mahu menolong pekebun-pekebun kecil getah yang menghadapi kesusahan dan sekiranya pekerja-pekerja ladang getah yang miskin diingini menikmati gaji yang baik atau “decent wage”, maka usaha untuk mendapat satu solusi untuk mechanise dengan jayanya hendaklah dipertingkatkan dengan serta-merta.

Tuan Pengerusi, cara mechanisation ialah cara yang mesti dijalankan oleh sebab negara jiran kita ialah “low cost production, negara kita boleh dikatakan “high-cost”. Kalau kita tak ada pengeluaran yang rendah, kita susah dan pengeluaran getah asli didapati terancam dan akan datang barangkali kita jadi bukan pengeluar utama di dunia, tetapi pengeluar yang di belakang.

(Beberapa Ahli Bangun).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Saya mohon maaf oleh kerana saya terpaksa mengemukakan masalah ini bagi

diputuskan sebelum pukul 6.00 supaya kita dapat meneruskan dengan satu perkara lagi, iaitu peruntukan di bawah Kementerian Pertanian. Saya rasa Yang Berhormat tentu ada kesempatan berucap dalam Kepala peruntukan tersebut.

Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menjawab dan menggulung perbahasan.

5.33 *ptg.*

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Kementerian Perusahaan Utama, peringkat Jawatankuasa di Dewan yang mulia ini. Kebanyakan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sangatlah berguna kepada saya untuk meneruskan lagi usaha-usaha Kementerian Perusahaan Utama untuk meningkatkan kedudukan sektor barangan utama Malaysia. Saya tidak bercadang untuk menyentuh tiap-tiap pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan ingin menjelaskan beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian saya yang disentuh semasa perbahasan ini.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit, Bandar Sibu dan Ulu Muda telah menyentuh balak, iaitu eksport balak dan harga balak yang rendah. Di sini saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Semenanjung Malaysia mengeksport balak sebanyak 0.5% dari semua pengeluaran, tetapi Negeri Sabah dan Sarawak mengeksportkan kebanyakan balak. Pada tahun yang kedepan tiada eksport balak dari Semenanjung Malaysia. Saya harap pada masa akan datang kedua-dua negeri, iaitu Sabah

dan Sarawak boleh mengurangkan eksport balaknya ke Jepun dan negara-negara yang lain.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat beri jalan?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Yes.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Baru-baru ini Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh telah mengumumkan bahawa Undang-undang Negeri Sabah terhadap pengurusan hutan-hutan adalah baik dan sesuai dan tidak perlu apa-apa pemindahan Perundangan Persekutuan. Maksudnya, dapat ditaksirkan sebagai suatu cabaran kepada pihak Persekutuan yang jangan campur tangan dengan suatu perkara di bawah bidangkuasa Negeri. Apakah jawapan ataupun "response" akan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kepada perkara ini?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa kuasa untuk mengeluarkan balak di Sabah dan Sarawak adalah hak kuasa negeri-negeri ini. Apa saya telah perkatakan tadi, iaitu saya harap bahawa eksport balak dari negeri-negeri ini boleh dikurangkan supaya mereka boleh mendapat harga balak-balak yang berpatutan dan selain daripada itu, Kerajaan-kerajaan Negeri ini boleh menggalakkan penubuhan kilang-kilang berdasarkan kayu di negeri-negeri ini.

Mengenai harga balak yang tidak sesuai ataupun rendah, saya telah memberi jawapan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu mereka boleh mengurangkan eksport balak ke negara Jepun dan negara-negara yang lain. Mereka juga boleh menubuhkan kilang-kilang kayu-kayan di negeri-negeri ini.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh harga bahan-bahan utama yang tidak sesuai pada tahun lalu dan pada tahun 1982. Saya suka menegaskan di sini iaitu bila harga bahan-bahan utama naik kepada paras yang tinggi, saya belum mendapat soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengapa harga bahan-bahan utama ini tinggi, sebaliknya saya selalu mendapat soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengapa harga bahan-bahan utama ini rendah. Saya suka menegaskan di sini iaitu harga bahan-bahan utama bergantung kepada permintaan dan pengeluaran di pasaran dunia. Kalau pengeluaran melebihi permintaan, memanglah harga bahan ini turun dan sebaliknya harga akan naik, tetapi untuk menstabilkan harga getah

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan lagi?

Tuan Sim Kwang Yang: Terima Kasih. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa sebabnya kenapa harga hasil utama di negara kita rendah adalah bahawa permintaan di pasaran dunia yang kurang oleh kerana ada faktor-faktor lain seperti amalan perdagangan yang tidak adil, seperti "manipulation" oleh pihak-pihak tertentu, "trans-national companies", dengan izin, seperti hakikat bahawa pada masa sekarang berhubung dengan harga hasil utama, harga itu bukanlah ditentukan oleh negeri penghasil ataupun "producing nation" tetapi ditentukan oleh negeri-negeri yang membeli hasil-hasil itu. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan sebagai suatu negeri penghasil dengan kerjasama dengan lain-lain negeri penghasil supaya mewujudkan satu

new trade order di antarabangsa supaya menyelesaikan masalah ini. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, sekiranya Yang Berhormat hendak memberi penjelasan terpulanglah kepada Yang Berhormat akan tetapi saya harap selepas ini supaya ucapan Yang Berhormat menggulung perbincangan tidak dijadikan satu perdebatan pula dalam mana hujah demi hujah ditimbulkan untuk mendapat jawapan. Jadi sekiranya Yang Berhormat hendak beri penjelasan silalah tetapi selepas ini saya harap Yang Berhormat teruskan sehingga habis menggulung. Silakan.

Dato Paul Leong Khee Seong: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya menyentuh pokok yang mempengaruhi harga bahan-bahan utama. Selain daripada pokok yang mempengaruhi harga ini saya suka menyatakan iaitu Kerajaan telah mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dengan tujuan untuk menstabilkan harga getah asli.

Saya suka memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempertahankan harga bahan-bahan utama.

Pertama iaitu memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan secara bersepadu bersama-sama pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran serta kerjasama rapat dengan sektor swasta untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi, berkesan kos dan memperbaiki mutu dan sebagainya. Ini satu tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi harga yang tidak sihat.

Kedua iaitu penglibatan aktif dalam peraturan-peraturan barangan antarabangsa untuk mencapai kestabilan paras harga barangan utama yang menguntungkan

pengeluar dan saksama kepada pengguna melalui perjanjian ataupun penubuhan pertubuhan-pertubuhan pengeluar untuk melengkapi dan membantu perjanjian barangan antarabangsa serta memelihara kepentingan pengeluar-pengeluar.

Ketiga iaitu menggalakkan kilang-kilang berasaskan bahan-bahan di negara kita.

Keempat iaitu mendapat pasaran yang terbaru ataupun meluaskan pasaran yang ada bagi bahan-bahan utama. Ini adalah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga bahan-bahan utama.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh perhutanan. Kita telah mewujudkan Dasar Perhutanan Negara supaya pada masa akan datang kita boleh mendapat bekalan kayu-kayan di negara kita. Selain daripada ini Kerajaan-kerajaan Negeri sedang memberi galakan kepada silviculture untuk mendapat hasil kayu-kayan di negeri-negeri ini.

Mengenai pengeksporan melalui negara ketiga yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, saya suka berkata bahawa Kerajaan sedang menggalakkan penggunaan pelabuhan tempatan serta syarikat-syarikat perkapalan Malaysia. Tetapi oleh kerana kekurangan kemudahan perkapalan bagi setengah negara pengeksporn terpaksa menggunakan Pelabuhan Singapura ataupun negara yang ketiga tetapi pada masa akan datang saya harap kita boleh menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita.

Kerajaan juga sedang berusaha untuk mengadakan perjanjian perkapalan dengan beberapa negara bagi memudahkan lagi perdagangan secara langsung. Penubuhan freight booking centre di Pelabuhan Kelang juga adalah bertujuan untuk membantu pengeksporn-pengeksporn

bahan-bahan utama. Saya harap pengeksporn-pengeksporn kecil boleh menggunakan freight booking centre di Pelabuhan Kelang supaya bahan-bahan utama ini boleh diekspornkan terus kepada pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit bercadang supaya untuk mendapat harga getah yang sesuai adalah baik kalau kita mengurangkan ataupun memberhentikan eksport getah kita. Kerajaan kita telah memasuki Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan perjanjian ini boleh mempertahankan harga getah asli. Oleh itu adalah tidak wajar bagi kita untuk mengurangkan eksport getah asli.

Walaupun pada masa ini kita mendapat harga getah asli yang tidak sesuai tetapi saya yakin pada masa akan datang harga getah asli akan naik kerana ada permintaan yang kukuh terhadap bahan utama ini daripada pengguna-pengguna Amerika syarikat khususnya.

Ada seorang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan bahawa kalau harga getah adalah rendah, pekebun-pekebun kecil boleh menanam bahan-bahan yang lain seperti kelapa sawit ataupun koko. Ini keputusan petani-petani, saya tidak boleh memberi arahan bahawa mereka mesti menanam pokok-pokok kelapa sawit ataupun pokok-pokok koko. Apa yang saya telah berkata iaitu pada masa akan datang harga perindustrian getah adalah cerah mengikut laporan yang kita telah mendapat daripada pakar-pakar getah asli di dunia. Pada masa ini kita telah mendapat harga minyak kelapa sawit yang sangat baik khususnya pada tahun ini. Saya harap pada masa akan datang kita boleh mendapat harga minyak kelapa sawit yang baik. Kalau ada pengeluaran minyak kelapa sawit yang lebih adalah cadangan daripada PORIM supaya minyak kelapa sawit

boleh ditukarkan kepada "methyl, ether" ataupun palm diesel. Kajian ini boleh mempertahankan harga minyak kelapa sawit di pasaran dunia ataupun di pasaran Malaysia.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja jawapan saya dan kalau saya tidak menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya akan mengkaji cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan mengambil tindakan yang wajar untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Akhirnya saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam perbahasan Belanjawan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$181,974,600 untuk Maksud B. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$181,974,600 untuk Maksud B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya pula ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,631,340 yang disebutkan dalam Maksud P. 18 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$16,631,340 untuk Maksud P. 18 diluluskan jadi sebahagian daripada anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 19 (Jadual)—

Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan 19 dan Maksud Pembangunan 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tenggaroh.

5.54 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya ingin membicarakan sedikit mengenai Butiran 5, Maksud Pembangunan 19 Kementerian Pertanian atas tajuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah \$31,142,900 untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Semenanjung dan sebanyak \$1,680,000 bagi negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, saya menganggap peruntukkan yang diberikan untuk LKIM ini bagi tahun hadapan perlu ditambah, ini adalah berdasarkan kepada keadaan masyarakat nelayan di dalam negara kita ini buat masa ini masih boleh saya katakan rata-rata lagi miskin. Peruntukan pembangunan sejumlah yang disebutkan itu tadi adalah bagi saya untuk digunakan bagi membangunkan kawasan-kawasan pembangunan nelayan bagi memperbanyakkan kawasan-kawasan pembiakan ikan seperti yang paling popular baharu-baharu ini kita dengar ialah melalui projek "tukun tiruan" disamping memberikan kemudahan-kemudahan sosial kepada para nelayan di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pengwujudan kawasan pembangunan nelayan perkara ini sudah lama kita dengar ceritanya ataupun ringkasnya cerita mengenai kawasan pembangunan nelayan ini adalah merupakan satu cerita yang lama,

tetapi walau bagaimanapun saya masih belum nampak wujudnya satu kawasan pembangunan nelayan yang "ideal" di dalam negara kita ini.

Saya berpendapat bahawa kawasan pembangunan nelayan ini perlu dipercepatkan lagi demi untuk memperlihatkan kepada masyarakat nelayan dalam negara ini bahawa Kerajaan benar-benar berminat dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki sosio ekonomi masyarakat nelayan di dalam negara kita ini. Kawasan pembangunan nelayan yang "ideal" bagi saya ialah di mana Kerajaan harus memperuntukkan satu kawasan di mana di dalam kawasan tersebut didirikan rumah-rumah nelayan sepertimana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendirikan rumah-rumah murah untuk diagihkan kepada warganegara di dalam negara ini yang miskin dan tidak berumah.

Di samping itu di dalam kawasan ini hendaklah juga diwujudkan kawasan pertanian agar para nelayan yang tidak dapat ke laut kerana musim tengkujuh yang tidak turun ke laut pada waktu bulan terang di mana kedua-dua musim yang saya sebutkan ini para nelayan tinggal di rumah tanpa berbuat apa-apa. Jadi jika sekiranya kawasan ini diwujudkan kawasan pertanian, maka pada musim tengkujuh dan musim bulan terang nelayan-nelayan

Tuan Pengerusi: Mengapa nelayan tidak turun ke laut pada masa musim bulan terang?

Tuan Khadri bin Sabran: Waktu bulan terang?

Tuan Pengerusi: Sebab apa?

Tuan Khadri bin Sabran: Bulan terang ikan tidak masuk pukat. Ikan tidak makan umpan pancing. Saya biasa ke laut, Tuan Pengerusi. Saya biasa tarik jaring, dan saya biasa memancing.

Jadi pada musim-musim dan waktu-waktu tersebut bolehlah menumpukan perhatian mereka untuk bertani. Kepada nelayan yang tidak mempunyai kemahiran di dalam bidang pertanian di dalam kawasan pembangunan nelayan ini juga boleh diwujudkan tempat-tempat untuk nelayan-nelayan memelihara ikan-ikan air tawar ataupun biasanya dipanggil oleh nelayan sebagai "aquaculture". Itu cadangan saya, Tuan Pengerusi.

Untuk menjimatkan masa saya berpindah ke mukasurat 91, Butiran 27 tajuk Tanah dan Kemudahan-kemudahan Analisa di mana pada tahun hadapan Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$2,250,000 untuk tujuan-tujuan tersebut.

Saya kurang pasti sebenarnya apakah Maksud tajuk Tanah dan Kemudahan-kemudahan Analisa, tetapi bagi saya mengikut fahaman saya maksud tajuk tersebut ialah untuk membuat kajian tanah-tanah yang ada di dalam negara kita ini untuk membuat kajian tanah-tanah kawasan pertanian.

Dalam hubungan ini, ingin saya kaitkan kajian tanah-tanah ini dengan penggunaan baja kimia yang kita gunakan pada masa ini. Daripada beberapa sumber yang layak dipercayai bahawa dengan berleluasanya penggunaan baja kimia ini, tanah-tanah akan menjadi tidak begitu subur dan tanam-tanaman akan mengandungi racun.

Kemungkinan hal ini benar bagi saya kerana kalau kita perhatikan keadaan sejarah pertanian dalam negara kita ini, pada masa dahulu ibu bapa kita, datuk nenek kita menanam sayur-sayuran di kawasan tanah bakar sahaja. Sayur-sayuran hidup subur, kalau yang berbuah, buahnya baik. Tetapi pada masa ini akibat dengan berleluasanya penggunaan baja kimia

itu, sayur-sayuran juga hidup subur, kalau berbuah, buahnya baik juga. Tetapi kalau kita perhatikan keadaan manusia yang makan sayur-sayuran dan buah-buahan masa ini, manusia buat masa ini sering dihindangi oleh penyakit kanser, manusia yang hidup dewasa ini sering kena penyakit sakit kepala dan yang seumpamanya. Kemungkinan bagi saya ada implikasi daripada penggunaan baja kimia ini.

Sehubungan dengan ini juga, Tuan Pengerusi, kalau pada masa dahulu orang tua-tua kita menggunakan baja bakar, sabut dibakar boleh jadi baja, batang padi dibakar boleh jadi baja dan seumpamanya, mengapakah bahan-bahan buangan tersebut misalnya batang padi pada masa ini, sabut-sabut kelapa yang berselerak dibuang begitu sahaja, kemudian tandan-tandan kelapa sawit yang dibuang begitu sahaja tanpa digunakan patut dikaji oleh Bahagian ini, dibuat kajian sama ada bahan-bahan tersebut boleh dijadikan baja sebagai ganti kepada baja kimia yang kita gunakan pada masa ini.

Dan jika sekiranya kajian itu positif, maka saya kira ianya akan memberikan keuntungan kepada petani-petani padi kerana di samping menjual buah padi, mereka juga akan dapat hasil tambahan melalui penjualan batang-batang padi. Bagi pekebun-pekebun kelapa sawit, di samping menjual buah kelapa sawit, tandan-tandan kelapa sawit juga boleh dijual oleh mereka untuk dijadikan baja yang bolehlah kita panggil sebagai baja organik. Jadi daripada perpindahan chemical fertilizier kita ubah kepada organic fertilizier, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi deras ke muka surat 95, maksud Pembangunan 19, Butiran 129—Rancangan Taliair Endau, Johor. Peruntukan yang telah diluluskan dianggarkan sahaja bagi projek di

atas, tak tahu bilakah masanya dilaksanakan, sebanyak \$1 juta, dan setelah beberapa tahun berlalu daripada tahun 1976 sampai ke tahun 1984 belum ada lagi dibelanjakan wang sejumlah \$1 juta itu untuk memperbaiki saliran ataupun taliair di Endau iaitu di kawasan pilihanraya saya. Saya ingin tahu apakah sebabnya perkara ini masih belum dibuat lagi sedangkan pada tahun 1970-an dahulu Kerajaan telah menyedari bahawa di kawasan itu pembaikan taliair itu amat diperlukan. Jika sekiranya ia tidak diperlukan, macam mana peruntukan sebanyak \$1 juta itu diwujudkan tatkala itu? Kalau di tahun 1970-an kawasan taliair di Endau itu ada masalahnya, setelah hampir 10 tahun berlalu masalahnya kian banyak. Dan saya ingin tahu daripada Kementerian/Jabatan berkenaan mengapa sehingga ke saat ini peruntukan yang telah diluluskan itu masih belum dibelanjakan lagi, di dalam keadaan masyarakat petani di Endau sana sering menghadapi masalah yang berkaitan dengan taliair sama ada untuk membuang air daripada menenggelami kawasan tanaman mereka, tanaman kelapa, tanaman getah dan sebagainya ataupun memasukkan air ke petak-petak sawah mereka.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 148—Tajuk: Mengorek Kuala-kuala Sungai, di mana pada tahun hadapan dianggarkan akan diberikan peruntukan sebanyak \$3 juta. Juga saya anggap peruntukan sejumlah ini adalah terlalu kecil untuk mengorek ataupun mendalamkan kuala-kuala sungai terutamanya kuala-kuala sungai di sebelah timur Semenanjung Malaysia.

Adalah diketahui bahawa kebanyakan sungai-sungai di sebelah timur Semenanjung Malaysia cetek-cetek belaka, muaranya berpasir. Saya contohkan, dua tahun yang lalu muara Sungai Mersing dikorek untuk didalamkan dan belanjanya lebih

kurang \$1.4 juta tetapi wang yang berjumlah \$1.4 juta itu habis dibelanjakan, Kuala Sungai Mersing dalam hanya buat seketika sahaja, tak sampai satu tahun ianya cetek kembali. Sekarang ini nelayan-nelayan di Mersing yang berpangkalan di sungai Mersing jumlah bot semuanya lebih kurang 500 buah, terpaksa menunggu air pasang untuk mereka keluar ke laut dan terpaksa pula menunggu air pasang untuk mereka masuk ke kawasan ke dalam sungai akibat daripada kecetakan muara Sungai Mersing. Ini membuatkan nelayan-nelayan di Mersing sana menghadapi masalah pemasaran ikan-ikan mereka. Kadang-kadang ikan mereka busuk di tengah laut kerana berjam-jam menunggu air pasang untuk masuk ke dalam sungai.

Dan sehubungan dengan ini juga, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan mengambil perhatian yang serius berkaitan dengan usaha mendalamkan lagi muara-muara sungai, terutamanya sungai-sungai di sebelah timur Semenanjung Malaysia di mana kebanyakan sungai-sungai tersebut digunakan oleh para nelayan untuk keluar masuk dan peruntukannya perlu ditambah, sebabnya seperti apa yang saya contohkan tadi, \$3 juta saya ingat untuk mengorek dan mendalamkan sebuah sungaipun tak cukup.

Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 222 atas tajuk—Menangkap ikan cara moden, Penguatkuasa Perikanan dan kapal pemeriksaan. Peruntukan yang dijangka akan diberi pada tahun hadapan berjumlah \$3,336,000. Tahniah juga diucapkan kepada Kerajaan kerana memberikan peruntukan sejumlah itu. Dengan ini juga saya berasa Kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap penceroboh-penceroboh kawasan-kawasan perairan kita sama ada

pencerobohan dari luar mahupun pencerobohan dari sudut teknik menangkap ikan.

Kalau kita pergi ke kampung-kampung nelayan yang wujud di dalam negara kita ini dan berjumpa dengan para nelayan, masalah pencerobohan kawasan menangkap ikan dan pencerobohan teknik menangkap ikan sering dibangkitkan oleh para nelayan setelah Kerajaan menguatkuasakan peraturan-peraturan menangkap ikan iaitu 5 batu dari pantai untuk nelayan tradisi, kemudian di antara 5-12 batu untuk nelayan yang lebih besar, kemudian selebihnya 12 batu ke atas untuk nelayan yang lebih besar dan sofistikated lagi teknik penangkapannya. Jadi, oleh kerana diwujudkan peraturan-peraturan seumpama ini maka peraturan-peraturan tersebut kerap-kali dilanggar oleh sama ada para nelayan tempatan mahupun oleh nelayan-nelayan asing. Akibat daripada pelanggaran tersebut maka nelayan-nelayan sering membuat aduan kepada Kerajaan. Dan saya rasa kenalah pada tempatnya Kerajaan menambahkan lagi bilangan bot-bot peronda dan menambahkan lagi pegawai-pegawai penguatkuasa agar pencerobohan-pencerobohan tersebut tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja pendapat dan fahaman saya dan saya menyokong peruntukan yang diberikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjung Karang bangun hendak bercakap atau tidak? Yang Berhormat dari Lumut.

6.14 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Pengerusi, untuk menyahut seruan Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat baru-baru ini mengenai pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu bagi

Ahli-ahli Dewan Rakyat, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan P. 19—Butiran 221-228.

Tuan Pengerusi, hubungan dan pengalaman saya dengan masalah perikanan sejak 10 tahun ini adalah menjadi asas pandangan dan cadangan saya tentang dasar Kerajaan mengenai industri perikanan petang ini. Kawasan pilihanraya saya mengandungi Pulau Pangkor yang menghasilkan $\frac{1}{3}$ jumlah hasil laut di negeri Perak dan negeri Perak pula mencatat $\frac{1}{3}$ hasil penangkapan ikan di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, Kerajaan kita baru-baru ini begitu ghairah memperkenalkan konsep QCC, dengan izin, quality control circle dalam pentadbirannya. Tetapi dalam pengurusan masalah perikanan QCCF, iaitu Quality Control Circle For Fisheries amat diperlukan.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi satu hakikat bahawa pertumbuhan perikanan, khususnya pukut tunda, telah terbantut sejak 10 tahun kebelakangan ini. Apa yang kita patut ambil kira ialah sumbangan pukut tunda kepada industri perikanan khususnya dan ekonomi Malaysia pada amnya. Pada tahun 1965 sebelum diperkenalkan pukut tunda secara besar-besaran penangkapan udang hanya berjumlah 13,000 metrik tan. Tetapi 10 tahun kemudian iaitu pada tahun 1975 jumlah udang yang dieksport meningkat ke \$100 juta iaitu 20,378 metrik tan yang merupakan hanya sebahagian daripada 52,000 metrik tan yang dihasilkan.

Kemerosotan Hasil Laut

Tuan Pengerusi, para nelayan merupakan kumpulan sasaran Kerajaan. Jatuh bangunnya perusahaan perikanan ada kaitan rapat dengan sikap nelayan. Berjaya atau tidaknya dasar Kerajaan banyak bergantung kepada kerjasama para nelayan. Para nelayan menganggap

soal kemerosotan hasil laut tidak timbul sama sekali, sebaliknya disifatkan sebagai satu teori yang digemari oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Perikanan. Sebenarnya mereka tidak percaya tentang adanya masalah ini.

Dasar Pengurusan Sumber Laut

Ekoran daripada tanggapan nelayan tersebut di atas usaha pihak Jabatan Perikanan ke arah mengurus sumber laut kita diterima dingin malah dianggap bertujuan menjejaskan mata pencarian mereka. Oleh sebab itu perhubungan di antara para nelayan dan Jabatan Perikanan telah menjadi semakin merunsingkan.

Sebagai contoh, seorang nelayan di kawasan saya yang mengusahakan bot No. PKFA 3656 ditaksirkan denda sebanyak \$11,200 oleh Ibu Pejabat Perikanan pada 22hb Oktober, 1982 yang dalam suratnya menyatakan, antara lain, saya petik, dengan izin:

“Tuan bersama lima orang rakan yang memiliki alat penangkapan tanpa lesen dianggap menipu Kerajaan”.

Perenggan enam pula berbunyi:

“Sila jelaskan mengapa lesen asal yang dimiliki oleh tuan, tidak boleh dibatalkan kerana ia adalah digunakan secara menipu untuk menangkap ikan kembong”.

Saya sendiri pernah pun menemu-bual dengan seorang nelayan di Bagan Datok yang hampir 40 tahun menceburkan diri dalam usaha menangkap ikan. Adalah ternyata kemahiran dan pengalaman golongan ini boleh dipelajari untuk memadamkan dasar-dasar kita. Selari dengan konsep dan amalan QCC, pandangan beliau berserta dengan para nelayan yang berpengalaman patut dipelawa sebelum Kerajaan

merangka dan melaksanakan dasar-dasar perikanan yang bertujuan membela nasib dan masa depan mereka.

Tuan Pengerusi: Apa kata Yang Berhormat dari Bagan Datok, Yang Berhormat masuk kawasannya.

Tuan Ng Cheng Kuai: Saya tidak dengar, Tuan Pengerusi. Bolehkah saya minta Tuan Pengerusi ulang balik?

Tuan Pengerusi: Sila duduk sebentar, Yang Berhormat. Saya tanya, apa kata Yang Berhormat dari Bagan Datok, Yang Berhormat masuk kawasannya, adakah dengan kebenarannya? (*Ketawa*).

Tuan Ng Cheng Kuai: Saya harap Yang Berhormat itu tidak ada apa-apa pandangan yang lain, sebab saya melawat kawasan Bagan Datok tanpa pengetahuannya, itu ceritanya.

Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi, selari dengan konsep dan amalan QCC, pandangan beliau beserta dengan para nelayan yang berpengalaman patut dipelawa sebelum Kerajaan merangka dan melaksanakan dasar perikanan yang bertujuan membela nasib dan masa depan mereka. Contoh-contoh tersebut di atas menggambarkan satu jurang komunikasi yang serius. Ini kadangkala menyebabkan salah faham dan ketegangan dari masa ke semasa.

Saya tidak menafikan tentang adanya saluran untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit dari masa ke semasa. Tetapi semua ini adalah berbentuk *ad hoc* sahaja yang tidak boleh membantu Kerajaan mencapai sepakat pendapat di antara Kerajaan dengan para nelayan tentang dasar jangka masa panjang.

Kesalahan yang Berbentuk Sosial Bukan Jenayah

Masalah-masalah para nelayan serta kesalahan-kesalahan yang berbangkit dari masa ke semasa patut dianggap sebagai masalah sosial dan bukan berbentuk jenayah. Kedudukan mereka adalah hampir serupa dengan penjaja-penjaja yang kadangkala menghadapi penguatkuasaan oleh pihak tertentu.

Saya menurunkan satu contoh yang menunjukkan betapa kuasa penguatkuasaan disalah gunakan. Pada 7-10-84, jam 1.00 pagi di Port Weld; saya tabek kepada Yang Berhormat dari Matang

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang minta jalan. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Ng Cheng Kuai: Boleh.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Saya cuma hendak membetulkan, sekarang ini bukan lagi nama Port Weld tetapi Kuala Sepetang. (*Ketawa*).

Tuan Cheng Kuai: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Matang. Pada 7-10-84, jam 1.00 pagi di Kuala Sepetang, sekumpulan 12 orang nelayan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak cukupkah masalah dalam kawasan Yang Berhormat sendiri?

Tuan Ng Cheng Kuai: Ada, sedikit masa lagi saya akan beralih ke kawasan saya (*Ketawa*). Melainkan masalah phantom members—saya ada masalah perikanan di seluruh negeri Perak dan seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekumpulan 12 orang nelayan telah ditahan selama 18 jam oleh pihak penguatkuasaan perikanan mula-mulanya dan kemudian diserahkan kepada Balai Polis Bagan Serai.

Tuan Pengerusi: Bagan Serai pula, Yang Berhormat.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tabek kepada Yang Berhormat dari Parit Buntar, bukan kawasan saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan Serai ialah seorang Timbalan Menteri, jaga baik-baik. Sila teruskan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Sepanjang masa itu keluarga mereka tidak tahu-menahu tentang nasib mereka—oleh sebab itu keluarga mereka dalam keadaan kegelisahan tentang kemungkinan kemalangan di laut atau dicolek oleh lanun atau oleh phantom members.

Tuan Pengerusi: Dengan izin.

Tuan Ng Cheng Kuai: Dengan izin. Saya berharap perkara ini tidak akan berulang lagi. Untuk menghindarkannya saya meminta Yang Berhormat Menteri mewujudkan satu garis panduan untuk kes-kes tahanan nelayan, termasuk memberi tahu kepada keluarga yang berkenaan.

Ketegangan di Bagan-bagan Perikanan

Dari masa ke semasa ada wujudnya ketegangan yang tidak disedari oleh pihak berkuasa di Ibu Pejabat Perikanan, Kuala Lumpur. Dalam melaksanakan sesuatu kaedah baru, Kerajaan harus berhati-hati tentang reaksi para nelayan yang kebanyakannya tidak bernasib baik kerana kurang pendidikan.

Sebagai contoh pada 1-7-81 hingga 26-7-81 kesemuanya 26 hari para nelayan di Pantai Remis telah

memulakan penangkapan ikan kerana berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Perikanan (Pindaan) 1980. Rusuhan hampir-hampir tercetus kerana ketiadaan pendapatan; para nelayan yang terlibat termasuk orang Melayu yang hampir-hampir merayakan Hari Raya dalam keadaan muram. Yang saya tahu ini bukan satu peristiwa terasing. Kita perlu menghindar berulangnya peristiwa Baling di bagan-bagan perikanan. Kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa para nelayan lekas naik marah. Jadi, kadangkala Cawangan Khas Polis patut dihubungi untuk laporan mengenai suasana tertentu.

Kekacauan Bot Asing

Oleh sebab Selat Melaka adalah sempit, para nelayan selalu diganggu baik oleh kapal perdagangan asing atau bot asing yang memasuki perairan kita. Bot-bot asing itu selalu muncul di Pulau Jarak, Pulau Sembilan, perairan Sabak Bernam dan Kelang

Tuan Pengerusi: Sampai ke Sabak Bernam pula.

Tuan Ng Cheng Kuai: untuk mengugut dan mendapatkan wang tebusan.

Dengan adanya Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif adalah wajar kiranya bot-bot Kerajaan dapat mengawal kawasan perairan kita dengan lebih berkesan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Tentera Laut Diraja—kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan yang ada di sini (*Ketawa*)—yang berpengkalan di Lumut iaitu kawasan saya yang telah sedaya upaya memberi bantuan dan perlindungan kepada para nelayan yang mengusahakan hasil laut. Sebaliknya saya menerima banyak sungutan bahawa pihak Polis Laut lebih gemar menangkap nelayan daripada membanteras masalah lanun.

Kecemaran Selat Melaka

Adalah didapati Selat Melaka telah dikenali sebagai satu lautan yang terlalu kotor kerana kecemaran. Selain daripada itu kilang-kilang kelapa sawit tidak kurang bersalahnya dalam hal ini. Jadi masalah kecemaran ini menjadi unsur utama menghancurkan pemeliharaan pelankton iaitu bahan makanan ikan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar buat kali pertamanya melancarkan gerakan mencegah pencemaran minyak kapal di Selat Melaka pada hari Khamis 1-11-84.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah tiba, sila duduk! Masa sudah tiba bagi Mesyuarat ditangguhkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.